Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

# Laporan Tahunan
# 2009

"Memaknakan Sebuah Universiti Berfokus"



MS ISO 9001 : 2008 REG. NO. AR3811

MSC Status Institution

NIOSH CERTIFICATION
OHSAS 18001:1999

# LAPORAN TAHUNAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2009

*"Memaknakan Sebuah Universiti Berfokus"*

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

## SIDANG EDITORIAL


**PENGERUSI**
Abd Rahman Haj Safie

**SETIAUSAHA**
Safriza Baharuddin

**AHLI-AHLI**
Ghazali Hasan
Abdul Shukur Ishak
Haryani Abdullah
Arman A. Rahim
Mohd Raizalhilmy Mohd Rais
Ernie Nurazlin Lizam
Mohammad Ilzam Jamat
Faisal Jusoh
Ahmad Fauzi  Mohamed Shah
Shahrizai Haji Sarif
Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain
Raihana Sulaiman
Mimi Rabita Abd Wahit
Nor Salwana Mohammad Idris

**PEREKA GRAFIK**
Azman Md Diah

**JURUFOTO**
Khairu Aidilnishah Rizan Jalil

**PEMBANTU PENERBITAN**
Hafizatulazlin Abd Aziz

**PENGEDARAN**
Ahmad Mahdi Sulaiman

# ISI KANDUNGAN

4 Visi dan Misi
4 Polisi Kualiti
6 Latar Belakang
8 Canselor
10 Pengerusi Lembaga Pengarah
11 Naib Canselor
12 Ahli Lembaga Pengarah Universiti
14 Pegawai Utama Universiti
16 Ahli Senat Universiti
18 Carta Organisasi UMP
20 Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah
21 Laporan Naib Canselor
25 Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
35 Pengurusan & Pembangunan Akademik
49 Penyelidikan & Inovasi
61 Pengantarabangsaan
71 Pengurusan Ilmu
83 Pembangunan Fizikal Kampus
97 Pembangunan & Aktiviti Pelajar
121 Teknologi Maklumat & Komunikasi
129 Pengurusan Kualiti & Produktiviti
149 Laporan & Penyata Kewangan


CANSELERI

# VISI DAN MISI



## Visi

Menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia.

## Misi

Kami menyediakan pendidikan teknikal berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

## Nilai Teras

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

# POLISI KUALITI



**Polisi**

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkaui kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

**Falsafah**

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

**Slogan**

Kualiti dan Teknologi Menjana Kecemerlangan.

# LATAR BELAKANG

Universiti Malaysia Pahang yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) telah ditubuhkan pada tahun 2002. UMP ditubuhkan untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses. Penjenamaan semula semua kolej-kolej universiti awam pada 1 Februari 2007 telah menyaksikan KUKTEM ditukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).

UMP beroperasi di dua buah kampus iaitu di Gambang, Kuantan, Pahang yang berupaya menampung seramai 6,000 orang pelajar serta Kampus UMP di Kuala Pahang, Pekan. Kampus UMP Pekan mula beroperasi pada 29 Julai 2009 yang menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Kampus tersebut bakal menempatkan lima buah fakulti dan dua buah pusat akademik.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.

## Konsep dan Ciri-Ciri Utama

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskan gunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada










penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P). UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Universiti juga telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 14 program doktor falsafah, 18 program sarjana, 21 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh tujuh fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT); dan
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Di samping tujuh fakulti tersebut, UMP juga mempunyai tiga buah pusat iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED). Selain itu, UMP juga mempunyai dua buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC) dan Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM).

# CANSELOR

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGKU MAHKOTA PAHANG
**TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**
DK., SSAP., SIMP., DK (TERENGGANU)., DK (JOHOR)., SPMJ,. PAT.



# PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI









**YANG HORMAT DATO' MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB,** SIMP., DIMP., SMP.

# NAIB CANSELOR



**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM,** DIMP.

# AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

## PENGERUSI

**Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, SIMP., DIMP., SMP.**
Pengerusi Eksekutif
HeiTech Padu Berhad, Level 15,
Heitech Village
Persiaran Kewajipan, USJ 1,
UEP Subang Jaya
47600 Selangor Darul Ehsan

## AHLI-AHLI

**Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim, DIMP.**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak 26300
Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

**Yang Hormat Dato' Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman, SSAP., SIMP., DSAP, KMN.**
Pengerusi Eksekutif
Alam Venture Sdn. Bhd.
11th Floor, Wisma Tas Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur

**Yang Berbahagia Datuk Aishah binti Shaikh Ahmad, JMN., DJN., PJN.**
Pengarah Hal Ehwal Korporat
(Kumpulan Automotif)
Sime Darby Motor Division Sdn. Bhd.
21st Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut 50350
Kuala Lumpur

**Yang Berbahagia Datuk Syed Abdull Hafiz bin Syed Abu Bakar, PJN.**
Pengarah Urusan
Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.
Perodua Automotive Centre
Sungai Choh Beg Berkunci 226
48009 Rawang, Selangor Darul Ehsan

**Yang Berhormat Dato' Muhammad Safian bin Ismail, SIMP., DSP., DIMP., AAP., AMP.**
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
Tingkat 2, Blok A Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan Pahang Darul Makmur

**Yang Hormat Dato' Rohani binti Abdullah, DIMP., AMN., CSM.**
Setiausaha Bahagian Dasar & Antarabangsa
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 3, Blok E3, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62505 Putrajaya

**Puan Khodijah binti Abdullah**
Timbalan Setiausaha
Bahagian Analisa Cukai
Kementerian Kewangan Tingkat 6,
Blok Tengah Kompleks
Kementerian Kewangan, Precint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan 62592 Putrajaya

## SETIAUSAHA

**Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim, AMP.**
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak 26300
Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur





# PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



**Naib Canselor**
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, DIMP.

*Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), DHCM (ITM), CA (M'sia), FCPA (Australia)*

**Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. SABARUDIN BIN MOHD., DIMP., PMP.

*Ph.D. (Birmingham) M.Sc. (Scotland), B.Sc. (Hons) (Scotland), Dip. (UTM)*

**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS. DIMP.

*Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)*



**Pendaftar**
TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM, AMP.

*M.Sc. (UPM), B.A (Hons) (UM)*

**Bendahari**
ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN

*C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)*

**Ketua Pustakawan**
TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE

*M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)*

# SENAT UNIVERSITI

## PENGERUSI

**Naib Canselor**
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, DIMP.
*Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), DHCM (ITM), CA (M'sia), FCPA (Australia)*

**Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. SABARUDIN BIN MOHD., DIMP., PMP.
*Ph.D. (Birmingham) M.Sc. (Scotland), B.Sc. (Hons) (Scotland), Dip. (UTM)*

**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS, DIMP.
*Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)*

**Bendahari**
ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN
*C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)*

**Ketua Pustakawan**
TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE
*M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)*

**Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam**
PROFESOR ENGR. DR. IDERIS BIN ZAKARIA, KMN.
*Ph.D (Sheffield), M.Sc. (Glasgow), B. Eng (Hons) (UiTM), MIEM*

**Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik**
PROFESOR MADYA SHAIKH NASIR BIN SHAIKH AB. RAHMAN
M.Eng (UTM), B.Eng. *(Australia)*
*(Sehingga 28 Februari 2009)*

**Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik**
IR. ZULKEFLEE BIN KHALIDIN
*M.Eng. (Kumamoto), B. Eng (Hons.), UTM, MIEM, P.Eng.*
*(Mulai 1 Mac 2009)*

**Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli**
PROFESOR MADYA ZULKAFLI BIN HASSAN
*M.Sc. (Strathclyde), B.Sc. (Missouri-Rolla)*

**Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**
PROFESOR DR. ROSLI BIN ABU BAKAR
*Ph.D (Hanyang), M.Sc. (Hanyang), B.Eng. (Hanyang)*

**Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi**
PROFESOR DR. AHMAD OTHMAN
*Ph.D (Nottingham), M.Ed. (La Trobe), B.Sc. (Hons) (Portsmouth), Dip. (UTM), MMIHRM*

**Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri**
PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF
*Ph.D (Wichita State), M.A. (Western Michigan), B.S. (Wichita State)*

**Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian**
PROFESOR MADYA DR. JASNI BINTI MOHAMAD ZAIN
*Ph.D (Brunel, West London), M.Ed (Hull), PGCE (Sheffield Hallam), B.Sc. (Hons) (Liverpool)*

**Dekan Pusat Pengajian Siswazah**
PROFESOR DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN
*Ph.D (Tasmania), MBA (UKM), B.Sc. (Hons) (Tasmania), Dip. (Malaysian Institute of Personnel Management)*

**Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni**
PROFESOR DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN
*Ph.D (Tasmania), MBA (UKM), B.Sc. (Hons) (Tasmania), Dip. (Malaysian Institute of Personnel Management)*
*(Mulai 1 Oktober 2009)*

**Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni**
PROFESOR DR. ABDUL JALIL BIN BORHAM
*Ph.D (UM), M.AIL (UM), B.ILE (UM)*
*(Sehingga 16 September 2009)*

**Dekan Penyelidikan**
PROFESOR IR. DR. JAILANI BIN SALIHON
*Ph.D (Surrey), B.Sc. (Hons) (Loughborough)*

**Pengarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan**
PUAN NOR ASHIKIN BINTI ABD AZIZ
*M.Sc. TEFL (SIUC, USA), B.Sc. English & Education (SIUC, USA)*
*(Sehingga 16 September 2009)*

**Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan**
PROFESOR DR. ABDUL JALIL BIN BORHAM
*Ph.D (UM), M.AIL (UM), B.ILE (UM)*
*(Mulai 17 September 2009)*

**Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri**
PROFESOR DR. SHAMSUDDIN BIN BAHARIN
*Ph.D. (Warwick), MA (Central Michigan), B.Sc. (Ferris State), AASc (Ferris State)*
*(Mulai 15 Jun 2009)*

**Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri**
TUAN HAJI MOHD NOOR BIN NAWI
*MBA Finance (Hull, UK), B. Eng. Chem. Eng. (UTM)*
*(Sehingga 14 Mei 2009)*

**Pengarah Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik**
PROFESOR MADYA DR. ABDULLAH BIN IBRAHIM
*Ph.D (Cardiff), M.Sc. (Wisconsin), B.Sc. (Wisconsin), Dip. Votec (Toronto), Dip. Res (Cardiff)*

**Pengarah Pusat Perkhidmatan Akademik**
ENCIK JAMAL RIZAL BIN RAZALI
*Sarjana (USM), Ijazah Sarjana Muda (Kep.) (Andalas)*

**Profesor Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian**
PROFESOR DR. ABDULLAH BIN EMBONG
*Ph.D (Loughborough), M.Sc. (Indiana University Bloomington), B.Sc. (Hons) (USM), Teacher Cert. (MPTI)*

**Pengarah Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)**
ENCIK MOHAMAD ROZI BIN HASSAN
*M.Sc. (UTM), M.Edu. (UTM), B.Econ. (Hons) (UKM)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli**
PROFESOR DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ
*Ph.D (Kyoto), M.Sc. (Wales), B.Sc (Colorado St)*
*(Mulai 1 Julai 2009)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi**
PROFESOR DR. RAZMAN BIN MAT TAHAR
*Ph.D (Bradford), M.Sc. (Sunderland), B.Sc (Carleton), Post Doctorate (Salford)*
*(Mulai 1 Julai 2009)*

**Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi**
PROFESOR MADYA DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF
*Ph.D, (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc. (Michigan-Ann Arbor)*
*(Mulai 1 Julai 2009)*

## SETIAUSAHA

**Pendaftar**
TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM, AMP.
*M.Sc. (UPM), B.A (Hons) (UM)*




# CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

- PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)
- PUSAT PEMBANGUNAN & JAMINAN KUALITI AKADEMIK (CAQADe)

**TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)**

- PEJABAT (PENYELIDIKAN & INOVASI)
- PEJABAT PENYELIDIKAN
- PENERBIT UMP

**HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI**

- JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
- PUSAT KOKURIKULUM

**PENDAFTAR**

- BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
- BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK
- BAHAGIAN KESELAMATAN
- PEJABAT PENTADBIRAN KAMPUS UMP PEKAN

**BENDAHARI**

- JABATAN BENDAHARI

**KETUA PUSTAKAWAN**

- JABATAN PERPUSTAKAAN

**DEKAN FAKULTI**

- FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & SUMBER ASLI
- FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIKAL & ELEKTRONIK
- FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM
- FAKULTI SISTEM KOMPUTER & KEJURUTERAAN PERISIAN
- FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
- FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN & PENGURUSAN TEKNOLOGI
- FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INDUSTRI
- PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN
- PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

**PENGARAH PUSAT KOKURIKULUM SOKONGAN**

- JABATAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN HARTA
- PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
- PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT & PENGURUSAN KUALITI
- PUSAT SUKAN
- PEJABAT ANTARABANGSA
- PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN
- PUSAT PENGAJIAN BERTERUSAN & PEMBANGUNAN PROFESIONAL
- PUSAT KESIHATAN PELAJAR



# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Tahun 2009 menyaksikan komitmen berterusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menyempurnakan misi "Memperkukuh Asas, Menjana Kecemerlangan" sebagai mana yang dihasratkan Pelan Strategik UMP 2008 – 2010. Pada fasa yang kritikal ini, seluruh perhatian tertumpu kepada keupayaan pihak pengurusan UMP untuk memenuhi strategi yang telah direncana melalui Pelan Strategik tersebut dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang berkesan, berimpak tinggi dan bernilai tambah kepada universiti ini serta pemegang-pemegang taruhnya.

Penerapan budaya kerja cemerlang dan pendekatan urus tadbir korporat yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi yang konsisten dijuarai pihak pengurusan UMP telah menampakkan kesan yang amat positif dalam konteks kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh universiti ini kepada para pelanggan dan pemegang taruhnya sepanjang tahun 2009. Agenda Tranformasi Pengurusan dan Pentadbiran yang telah dilakarkan pada akhir tahun 2008 mula dilaksanakan dengan giat mulai tahun 2009. Sementara itu, Agenda Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang turut menambah nilai kepada pembentukan sikap dan watak yang perlu dijiwai oleh warga universiti ini sebagai prasyarat kecemerlangan hari muka.

Secara keseluruhannya, pihak Lembaga Pengarah UMP (LPU) amat berpuas hati dengan tahap kemajuan yang telah dicapai oleh universiti ini sepanjang tahun 2009. Ini termasuklah kemajuan pembangunan fizikal UMP Pekan yang mencatat sejarahnya yang tersendiri apabila telah mula beroperasi pada bulan Julai 2009. Selain itu, dari aspek pembangunan modal insan, UMP telah berjaya meningkatkan jumlah staf akademik yang memiliki kelayakan Doktor Falsafah (PhD) dengan amat signifikan berbanding tahun-tahun sebelum ini. Kumpulan pertama pelajar antarabangsa bagi program prasiswazah dari Republik Rakyat China juga telah memulakan pengajian pada tahun 2009, sekaligus memenuhi salah satu strategi pengantarabangsaan UMP.

Kisah-kisah kejayaan dan pencapaian cemerlang ini seharusnya mencabar warga pengurusan dan warga kerja UMP untuk terus melipatgandakan usaha ke aarah kecemerlangan. Justeru, fokus dan perhatian warga UMP hendaklah dijajarkan dengan aspirasi semasa UMP, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kerajaan. Dengan hanya satu tahun berbaki sebelum berakhirnya pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008 – 2010, pihak LPU meletakkan harapan yang tinggi kepada pihak pengurusan UMP untuk merealisasikan strategi-strategi yang telah dilakarkan dalam Pelan Strategik tersebut dengan penuh akauntibiliti, integriti dan *esprit de corps*.

Salam hormat.

**DATO' MOHD. HILMEY MOHD TAIB**
Pengerusi Lembaga Pengarah

# LAPORAN NAIB CANSELOR



## MEMAKNAKAN SEBUAH UNIVERSITI BERFOKUS

Berada dalam kategori Universiti Berfokus, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menumpukan kebitaraannya dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan UMP menyedari bahawa visi dan misi UMP tidak seharusnya dibataskan oleh kerangka universiti teknikal, namun dimaknakan dalam semangat kewujudan sebuah universiti dalam erti kata yang sebenarnya.

Sebagai sebuah Universiti Berfokus, tumpuan diberikan kepada perkara-perkara utama dan pokok yang menambah nilai kepada asas penubuhan universiti ini. Ini dizahirkan dalam pernyataan misi UMP yang berbunyi: *"Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat."*

Slogan *Engineering, Technology, Creativity* yang menunjangi logo UMP menggambarkan pengkhususan Universiti ini dalam bidang-bidang yang telah ditentukan oleh Kerajaan Malaysia. Bidang kejuruteraan berkembang seiring kemajuan teknologi; dan kemajuan teknologi pula dipacu oleh kesuburan kreativiti manusia.

Untuk itu, pada awal tahun 2009, warga UMP diajukan dengan persoalan-persoalan berikut:

i. Bagaimanakah elemen-elemen ini dapat dimaknakan kepada universiti ini?
ii. Apakah penawaran kursus-kursus yang berorientasikan kejuruteraan dan teknologi cukup untuk memaknakan universiti ini sebagai sebuah Universiti Berfokus?
iii. Apakah falsafah di sebalik slogan *Engineering, Technology, Creativity* yang perlu dibedah bagi menghidupkan jiwa slogan tersebut?

## TRANSISI DAN TRANSFORMASI

Fasa pengembangan UMP terus berkesinambungan sepanjang tahun 2009. Usaha-usaha giat diteruskan untuk mengukuhkan asas-asas yang menunjangi kewujudan UMP sebagai sebuah universiti teknikal. Proses transisi dari fasa pengasasan kepada fasa pengembangan yang dijadualkan berakhir pada tahun 2010 diwarnai oleh pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 yang berada pada pertengahan perjalanan pada tahun 2009.

Tema "Memperkukuh Asas, Menjana Kecemerlangan" yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 mengemukakan cabaran yang tidak sedikit untuk menadikan transformasi UMP. Pemerkasaan tadbir urus ke arah mewujudkan birokrasi yang memudah cara adalah antara tumpuan utama pada tahun 2009. Tanpa sistem pengurusan dan pentadbiran yang efisien dan efektif, pengisian matlamat pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 akan terencat dan tergendala.

Transisi fasa pembangunan UMP dinadikan oleh transformasi dua komponen utama iaitu sistem dan sikap. Untuk itu, tahun 2009 menyaksikan inisiatif dan komitmen UMP untuk merekayasa pengurusan dan pentadbirannya serta menyuntik semangat baharu kepada warga kerjanya untuk lebih segar berkarya. Hasrat ini direalisasikan melalui dua inisiatif iaitu Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran dan Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang.

## AGENDA TRANSFORMASI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN UMP

Sejak bulan Mei 2008, warga kerja UMP telah diajak untuk menghayati dan mengamalkan pendekatan baharu dalam sistem pengurusan dan pentadbiran. Karenah birokrasi dan amalan lapuk merupakan halangan-halangan yang memperlahankan pacuan kecemerlangan dan mengendalakan pelaksanaan strategi dan inisiatif yang telah direncana.

Sehubungan itu, sepanjang tahun 2009, UMP komited untuk meneruskan pendekatan pengurusan yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi. Pendekatan pengurusan yang bersandarkan keutamaan meletakkan kesiap-siagaan warga kerja UMP pada rangka fokus yang sebenarnya tanpa tersasar kepada perkara-perkara yang kurang penting dan tidak menambah nilai serta mengutamakan pengisian berbanding bentuk *(substance over form).*

Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran yang digagaskan pada akhir tahun 2008 terus dipantau secara strategik sepanjang tahun 2009. Bagi memastikan UMP dapat beroperasi dengan lancar dan berkesan maka pihak pengurusan universiti telah memperkenalkan perubahan drastik dalam aspek pengurusan dan pentadbiran yang dinamakan Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP. Melalui pendekatan tersebut, transformasi telah dirancang untuk dilaksanakan terhadap operasi seharian universiti bagi memastikan *core business* UMP iaitu pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Secara spesifik, Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP bermaksud tuntutan perubahan yang segera dan bersungguh-sungguh perlu dilakukan oleh semua lapisan staf dan jabatan-jabatan di UMP bagi memastikan sistem dan proses kerja diselarikan dengan matlamat untuk mencapai dan merealisasikan visi serta misi UMP. Sistem penyampaian universiti perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan perkara-perkara yang menghalang kepada peningkatan kualiti dan produktiviti kerja perlu dihapuskan dengan segera. Sebagai contoh, hasrat universiti untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan dan pengkomersilan tidak akan dapat dicapai sekiranya urusan berkaitan dengannya terhalang oleh karenah birokrasi seperti kelewatan pemprosesan permohonan geran penyelidikan, halangan penyertaan pameran penyelidikan, ketiadaan penyelidik dan sebagainya.

Sebanyak lapan kategori isu telah dikenal pasti untuk ditangani iaitu:

i. Sumber manusia;
ii. Kewangan;
iii. Akademik;
iv. Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
v. Pengurusan Logistik;
vi. Pelajar dan Kepimpinan;
vii. Imej Universiti;
viii. Kebajikan staf; dan
ix. Lain-lain.

Kerangka pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran diukur dengan empat skala tindakan iaitu:

i. *Immediate action* (serta-merta)
ii. *Medium term action* (dalam tempoh tiga hingga enam bulan)
iii. *Long term action* (dalam tempoh enam bulan

hingga setahun)
iv. *Review action* (kajian semula)

Dalam hubungan ini, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan & Pentadbiran dan melaporkan perkembangannya kepada pihak Pengurusan UMP dari semasa ke semasa.

## TRANSFORMASI DIRI KE ARAH UMP TERBILANG

Komitmen untuk merealisasikan pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP perlulah disertai dengan kesedaran yang mendalam dalam jiwa warga kerja UMP hasil muhasabah yang berterusan serta keinsafan untuk melihat masa depan yang lebih baik untuk universiti ini.

Usaha memacu UMP ke arah kecemerlangan tidak akan dapat direalisasikan tanpa budaya kerja cemerlang dan sikap positif warga universiti ini. Kombinasi sikap, teknik dan unsur kerohanian adalah katalis utama bagi merealisasikan kecemerlangan yang menatijahkan anjakan strategi, budaya dan transformasi warga UMP.

Secara umumnya, usaha ini akan memberikan fokus kepada staf bukan akademik daripada semua Gred, Kumpulan, Skim dan Klasifikasi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran serta penyediaan perkhidmatan di UMP termasuklah staf akademik yang menyandang jawatan giliran. Penyertaan staf daripada kluster yang ditetapkan untuk program ini adalah dipastikan untuk menjamin keberhasilan usaha ini.

Pelaksanaan Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang mendukung tiga hasrat berikut:

i. Menyuntik kesedaran bahawa perubahan sikap dan penghijrahan budaya adalah asas utama kecemerlangan organisasi dan kualiti diri;
ii. Peningkatan bilangan staf dan pelajar dari semasa ke semasa mengemukakan pelbagai cabaran yang menuntut ketahanan diri dan mentaliti yang positif bagi melahirkan warga kerja yang berkualiti;
iii. Kecemerlangan organisasi amat berkait rapat dengan kecemerlangan peribadi warga kerja yang menggerakkan organisasi dan dengan demikian, kecemerlangan organisasi hanya akan dapat dicapai jika dipacu dengan ikhlas oleh warga kerjanya.

## PELAN STRATEGIK UMP 2008 – 2010

Dengan mengambil kira Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 menjadi wahana utama yang memacu universiti ini untuk berada di atas jajaran yang sama dengan misi dan strategi Kerajaan dalam memperkasa sektor pengajian tinggi negara. Untuk tujuan itu, strategi-strategi yang telah dirangka melalui pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 telah disesuaikan dengan peredaran masa, keperluan dan iklim semasa politik dan sosioekonomi nasional dan global.

Sepanjang tahun 2009, UMP terus dipandu dengan objektif-objektif strategik berikut:

i. Mempertingkatkan penawaran program akademik yang inovatif dan relevan-industri;
ii. Mempertingkatkan kualiti sumber manusia;
iii. Memastikan universiti mencapai piawaian antarabangsa;
iv. Memperkasakan sistem dan operasi;
v. Memperbanyakkan kerjasama menang-menang dengan pihak berkepentingan.

Kelima-lima objektif strategik di atas diterjemahkan pula kepada sepuluh Faktor Kritikal Kejayaan (CSF) yang bertindak sebagai pengupaya utama iaitu:

i. Governan;
ii. Pembangunan modal insan;
iii. Pengajaran dan pembelajaran;
iv. Akses dan sosioekonomi;



v. Penjaminan kualiti;
vi. Penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan;
vii. Pembelajaran sepanjang hayat;
viii. Pengantarabangsaan;
ix. Mekanisme pembiayaan.

Sehingga Disember 2009, analisis yang dilakukan terhadap pencapaian Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 mendapati bahawa purata pencapaian keseluruhan CSF 1 hingga CSF 10 berada pada tahap 73% iaitu Baik. CSF 7 iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat memperlihatkan pencapaian tertinggi iaitu 100% (Cemerlang) dan CSF 4 iaitu Akses dan Sosioekonomi mencatatkan pencapaian terendah iaitu 19% (Lemah).

## TUMPUAN INISIATIF 2009

Penterjemahan falsafah kewujudan UMP sebagai sebuah universiti berfokus dimaknakan melalui inisiatif berikut sepanjang tahun 2009:

i. Terus memperkasa bidang kejuruteraan sebagai *core business* melalui penawaran program pengajian yang futuristik dan bukan konvensional;
ii. Mempergiat penyelidikan dalam bidang kejuruteraan dan bidang-bidang teknikal sokongan melalui insentif bantuan kertas penyelidikan serta dana pembiayaan persidangan;
iii. Memperkasa penggunaan teknologi dengan menambahbaik kualiti perkhidmatan *e-community* dan laman sesawang UMP secara berkesan dengan mengutamakan *completeness, comprehensiveness, attractiveness* dan *user-friendliness;*
iv. Membudayakan 5S sebagai soft technology untuk diamalkan seluruh warga UMP;
v. Meningkatkan penggunaan teknologi dalam memudah cara sistem penyampaian dan perkhidmatan yang bersifat disentralisasi; dan
vi. Menggalakkan pemupukan kreativiti warga UMP sebagai suatu budaya yang menadikan kesejahteraan kampus;
vii. Memperkasa kepimpinan pelajar dan memantapkan peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai bukan sahaja perantara pelajar dengan pihak pengurusan, tetapi rakan kongsi dalam agenda perubahan;
viii. Menggalakkan kreativiti tenaga pengajar dan penyelidik dengan menyokong inovasi dan pengkomersialan; dan
ix. Memperluas latihan untuk peningkatan kompetensi dan kreativiti staf akademik, pengurusan dan profesional serta sokongan dengan lebih terarah kepada bidang kepakaran dan skop tugas melalui peruntukan kepada setiap Pusat Tanggungjawab.

## KESIMPULAN

Inisiatif-inisiatif yang dinyatakan di atas adalah rangka kerja yang membolehkan UMP bergerak dalam perimeter yang telah disasarkan sepanjang tahun 2009. Pihak pengurusan UMP bertekad untuk menyempurnakan fasa pengembangan universiti ini dengan berpandukan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan melalui pendekatan urus tadbir cemerlang yang berlandaskan keutamaan, berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi.

**PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**
Naib Canselor




# Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia



# Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bagi tahun 2009, jumlah perjawatan UMP sebagaimana yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan Malaysia adalah sebanyak 1324 jawatan. Statistik perjawatan yang diluluskan adalah seperti di dalam Carta 1 berikut.

*Carta 1: Jumlah Penjawatan Yang Diluluskan Sehingga Tahun 2009*




Sehingga 31 Disember 2009, pengisian jawatan akademik adalah berjumlah 447 orang. Pengisian jawatan akademik telah dibahagikan berdasarkan pengelasan jawatan seperti di dalam Carta 2 berikut.

Sebanyak 469 jawatan akademik telah diisi oleh warganegara sehingga 31 Disember 2009. Jumlah ini adalah termasuk 22 jawatan yang dilantik secara kontrak.

*Carta 2: Bilangan Staf Akademik Sehingga Tahun 2009*



*Carta 3: Bilangan Staf Akademik Warganegara Pada Tahun 2009*




Pada tahun 2009 juga, UMP telah melantik staf akademik bukan warganegara seramai 31 orang. Perincian jumlah staf akademik bukan warganegara dijelaskan seperti di dalam Jadual 1 di bawah mengikut pecahan negara masing-masing.

*Jadual 1: Bilangan Staf Akademik Bukan Warganegara Pada Tahun 2009*

| NEGARA | BILANGAN |
|---|---|
| Bangladesh | 2 |
| India | 8 |
| Indonesia | 10 |
| Iraq | 3 |
| Jordan | 1 |
| Myanmar | 1 |
| Pakistan | 1 |
| Sudan | 4 |
| Yemen | 1 |
| **JUMLAH** | **31** |



*Carta 4: Peratusan Bilangan Staf Akademik Bukan Warganegara Pada Tahun 2009 Mengikut Negara*




*Carta 5: Perbandingan Pengisian Perjawatan Antara Kumulan Akademik, Pengurusan dan Profesional dan Sokongan*

Bagi pengisian jawatan bukan akademik pula, kategori staf diasingkan mengikut Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan. Secara keseluruhannya, perbandingan pengisian perjawatan di antara kumpulan Akademik, Pengurusan & Profesional dan Sokongan di UMP pada tahun 2009 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 5 berikut.





Perangkaan statistik staf mengikut julat umur bagi jawatan akademik dan bukan akademik adalah seperti di dalam Carta 7 dan Carta 8 di bawah. Berdasarkan perangkaan tersebut, didapati majoriti staf bagi jawatan akademik dan bukan akademik UMP adalah berumur di dalam lingkungan bawah 30 tahun.

*Carta 6: Statistik Staf Mengikut Julat Umur Bagi Jawatan Staf Akademik*




*Carta 7: Statistik Staf Mengikut Julat Umur Staf Bagi Jawatan Bukan Akademik*





Perangkaan staf UMP mengikut jantina dan kategori jawatan juga dianalisa di samping mengambil kira statistik pengisian perjawatan berdasarkan julat umur. Perincian kumpulan jantina mengikut jawatan akademik dan bukan akademik serta kumpulan perjawatan adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2 di bawah.

*Jadual 2: Perincian Kumpulan Jantina Mengikut Jawatan Akademik dan Bukan Akademik*

| KUMPULAN | LELAKI | PEREMPUAN |
|---|---|---|
| Akademik | 293 | 207 |
| Pengurusan dan Profesional | 125 | 67 |
| Sokongan | 346 | 241 |
| **JUMLAH** | **764** | **515** |

## KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2009, UMP telah melaksanakan eksais kenaikan pangkat bagi jawatan akademik dan bukan akademik. Maklumat dan data mengenai kenaikan pangkat staf akademik serta bukan akademik adalah seperti di dalam Jadual 3 hingga 5 di bawah.

*Jadual 3: Kenaikan Pangkat Jawatan Akademik*

| BIL. | JAWATAN LAMA | JAWATAN BAHARU | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Pensyarah Kanan (DS52) | Profesor Madya (DS54) | 2 |

*Jadual 4: Kenaikan Pangkat Jawatan Bukan Akademik (Pengurusan & Profesional)*

| BIL. | JAWATAN LAMA | JAWATAN BAHARU | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Timbalan Pendaftar (N48) | Timbalan Pendaftar (N52) | 1 |
| 2. | Penolong Pendaftar Kanan (N44) | Timbalan Pendaftar (N48) | 3 |
| 3. | Pustakawan Kanan (S44) | Timbalan Ketua Pustakawan (S48) | 1 |
| 4. | Pegawai Latihan Vokasional (J41) | Pegawai Latihan Vokasional Kanan (J44) | 2 |
| 5. | Pegawai Teknologi Maklumat (F41) | Pegawai Teknologi Maklumat Kanan (F44) | 1 |
| 6. | Penolong Pendaftar (N41) | Penolong Pendaftar Kanan (N44) | 3 |
| 7. | Pegawai Belia dan Sukan (S41) | Pegawai Belia dan Sukan Kanan (S44) | 1 |
| 8. | Pustakawan (S41) | Pustakawan Kanan (S44) | 1 |

*Jadual 5: Kenaikan Pangkat Jawatan Bukan Akademik (Sokongan)*

| BIL. | JAWATAN LAMA | JAWATAN BAHARU | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Pembantu Tadbir (SU) Kanan (N22) | Ketua Pembantu Tadbir (SU) (N32) | 1 |
| 2. | Penolong Pegawai Tadbir (N27) | Penolong Pegawai Tadbir Kanan (N32) | 1 |
| 3. | Penolong Akauntan (W27) | Penolong Akauntan Kanan (W32) | 1 |
| 4. | Pembantu Tadbir (SU) (N17) | Pembantu Tadbir (SU) Kanan (N22) | 1 |
| 5. | Pemandu Kenderaan (R03) | Pemandu Kenderaan Kanan (R06) | 1 |





## STAF CUTI BELAJAR

Pada tahun 2009, sebanyak 46 orang staf akademik telah melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan juga Doktor Falsafah iaitu seramai 53 orang di dalam negara dan 74 orang di luar negara. Perincian staf cuti belajar mengikut negara seperti di dalam Carta 8 berikut.

*Carta 8: Staf Cuti Belajar Mengikut Negara*



Seramai 112 orang staf akademik telah melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah. Manakala bagi yang melanjutkan pengajian peringkat Sarjana adalah seramai 15 orang seperti yang ditunjukkan dalam jadual dan carta di bawah.

*Jadual 6: Statistik Staf Akademik Cuti Belajar Mengikut Bidang*

| FAKULTI | SARJANA | PhD |
|---|---|---|
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik | 4 | 23 |
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam | 1 | 7 |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli | 3 | 25 |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal | 6 | 16 |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi | 1 | 3 |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri | 0 | 10 |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian | 0 | 12 |
| Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan | 0 | 16 |
| JUMLAH | 15 | 112 |

*Carta 9 : Statistik Staf Cuti Belajar Mengikut Bidang Pengajian*





## BIASISWA SLAB/SLAI 2009

Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) telah diperkenalkan untuk memberi bantuan kepada staf untuk melanjutkan pengajian di seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual dan carta di bawah.

*Carta 11 : Statistik Biasiswa SLAB/SLAI 2009*




Manakala Skim *Fellowship* UMP juga ditawarkan oleh Unit Latihan dan Cuti Belajar yang bertujuan utuk menambahkan lagi bilangan penggunaan biasiswa SLAB/SLAI yang diperuntukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Jumlah penajaan *fellowship* 2009 bagi setiap peringkat pengajian seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 7 di bawah.

*Jadual 7: Jumlah Penajaan Fellowship 2009*

| PERINGKAT PENGAJIAN | JUMLAH |
|---|---|
| Sarjana | 12 |
| PhD | 4 |




# Pengurusan & Pembangunan Akademik



# PENGURUSAN & PEMBANGUNAN AKADEMIK

Sepanjang tahun 2009, pelbagai program telah dijalankan bagi memantapkan lagi pengurusan dan pembangunan akademik di Universiti ini. Penstrukturan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) misalnya pada awal tahun merupakan salah satu langkah bagi mengukuhkan lagi pembangunan akademik universiti ini selaras dengan Pelan Strategik UMP 2008-2010.

Susulan itu, JHEAA telah mengalami penstrukturan yang agak ketara di mana fungsi pembangunan akademik diperkukuhkan lagi dengan menggabungkan Pusat Pembangunan Staf Akademik (ASDC) dan Unit Jaminan Kualiti menjadikan sebuah pusat baharu yang dikenali sebagai Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik (CAQADe). Malahan fungsi pembangunan akademik juga turut ditambah kepada Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Akademik (PPPA). Manakala Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pejabat Antarabangsa (IO) telah dikeluarkan daripada entiti JHEAA dan menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab penuh. Penubuhan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab sendiri dilihat mampu untuk mengembangkan lagi fungsi dan peranan pusat ini terutama dalam bidang pengajian siswazah.

Dalam pada itu,tahun 2009 merupakan tahun pengukuhan terutama agenda pengantarabangsaan yang menjadi salah satu fokus kepada pembangunan akademik Universiti di mana UMP buat pertama kalinya telah mengambil seramai 37 orang pelajar daripada Negara China bagi mengikuti pengajian di peringkat prasiswazah. Agenda pengantarabangsaan ini diperkasakan lagi dengan memorandum perjanjian persefahaman (MoU) dengan beberapa institusi luar negara yang terdiri daripada Ireland, Mesir, China dan lain-lain lagi. Pelbagai bentuk kerjasama dirangka bagi memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama tersebut menerusi program pertukaran pelajar, pertukaran staf, staf sangkutan, penyelidikan dan perundingan.

## PENGURUSAN AKADEMIK

Pengurusan akademik universiti digerakkan oleh dua entiti iaitu Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS). BPA berperanan dalam pengurusan universiti terhadap perancangan, pelaksanaan, kawalan serta penyeliaan aktiviti hal ehwal akademik di peringkat prasiswazah. Manakala PPS pula berperanan dalam segala perancangan, pelaksanaan dan kawalan terhadap hal ehwal akademik pascasiswazah. Kedua-dua entiti ini berperanan dalam segala urusan yang berkaitan dengan hubungan akademik, pengambilan dan kemasukan pelajar, pendaftaran pelajar, pendaftaran subjek, rekod pelajar, peperiksaan dan penganugerahan, promosi, konvokesyen, Senat dan sebagainya.

## PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK

Pada Sesi Akademik 2009/2010, universiti menawarkan sebanyak 21 program di peringkat Sarjana Muda dan lima program di peringkat Diploma yang dikendalikan oleh tujuh fakulti. Antara senarai fakulti dan program yang ditawarkan pada Sesi Akademik 2009/2010 adalah seperti berikut:

*Jadual 6: Senarai Fakulti dan Program Yang Ditawarkan Pada Sesi Akademik 2009/2010*

| FAKULTI | PROGRAM YANG DITAWARKAN |
| --- | --- |
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) | • Sarjana Muda Kejuruteraan Awam<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Persekitaran<br>• Diploma Kejuruteraan Awam |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) | • Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)<br>• Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) | • Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi)<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas)<br>• Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) | • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Industri<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Biomekanikal<br>• Diploma Kejuruteraan Mekanikal |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) | • Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan<br>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik<br>• Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian<br>• Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan Kepujian<br>• Sarjana Muda Pengurusan Projek Dengan Kepujian |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) | • Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)<br>• Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian)<br>• Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia)<br>• Diploma Sains Komputer |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) | • Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri<br>• Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Bioteknologi Industri |






Dalam merealisasikan peningkatan pelajar di dalam program sarjana dan peringkat ijazah kedoktoran, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) pula telah menawarkan sebanyak 18 program di peringkat sarjana dan 14 program di peringkat ijazah kedoktoran. Program-program yang ditawarkan adalah seperti berikut:

**Ijazah Kedoktoran:**
- Doktor Falsafah (Kimia)
- Doktor Falsafah (Elektrik)
- Doktor Falsafah (Elektronik)
- Doktor Falsafah (Instrumentasi)
- Doktor Falsafah (Bio-Proses)
- Doktor Falsafah (Mekanikal)
- Doktor Falsafah (Pembuatan)
- Doktor Falsafah (Automotif)
- Doktor Falsafah (Awam)
- Doktor Falsafah (Pembinaan)
- Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi)
- Doktor Falsafah (Sains Komputer)
- Doktor Falsafah (Bioteknologi)
- Doktor Falsafah (Kimia Industri)

**Ijazah Sarjana:**
**Sarjana Kejuruteraan:**
- Sarjana Kejuruteraan (Elektrik)
- Sarjana Kejuruteraan (Elektronik)
- Sarjana Kejuruteraan (Instrumentasi)
- Sarjana Kejuruteraan (Kimia)
- Sarjana Kejuruteraan (Bio-Proses)
- Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal)
- Sarjana Kejuruteraan (Pembuatan)
- Sarjana Kejuruteraan (Automotif)
- Sarjana Kejuruteraan (Awam)
- Sarjana Kejuruteraan (Pembinaan)

**Sarjana Sains:**
- Sarjana Sains (Komputer)
- Sarjana Sains (Kejuruteraan Perisian)
- Sarjana Sains (Bioteknologi)

**Sarjana Pengurusan Teknologi:**
- Sarjana Pengurusan Teknologi (Kesihatan & Keselamatan Industri)
- Sarjana Pengurusan Teknologi (Sumber Kapital Manusia)
- Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Projek)
- Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Operasi)

## POPULASI PELAJAR UNIVERSITI

Bilangan pelajar mengikut fakulti yang mengikuti semua peringkat pengajian sama ada peringkat Diploma, Ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran bagi Sesi Akademik 2009/2010 adalah seperti berikut:

*Jadual 7: Bilangan Pelajar Mengikut Fakulti Yang Mengikuti Semua Peringkat Pengajian Bagi Sesi Akademik 2009/2010*

| FAKULTI | PRASISWAZAH | | PENGAJIAN SISWAZAH | |
|---|---|---|---|---|
| | DIPLOMA | SARJANA MUDA | SARJANA | PhD. |
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam | 138 | 747 | 12 | 5 |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik | 144 | 761 | 15 | 4 |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli | 106 | 928 | 46 | 21 |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal | 110 | 961 | 7 | 12 |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi | - | 470 | 15 | 24 |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian | 120 | 556 | 13 | 13 |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri | - | 164 | 12 | 2 |
| **JUMLAH** | **618** | **4,587** | **120** | **81** |

Jadual berikut pula menunjukkan bilangan pelajar baharu yang mendaftar pada Sesi Akademik 2009/2010 bagi semua peringkat pengajian adalah seperti Jadual 10 di bawah ini:

*Jadual 10: Bilangan Pelajar Baharu Yang Mendaftar Pada Sesi Akademik 2009/2010 Bagi Semua Peringkat Pengajian*

| FAKULTI | PRASISWAZAH | | PENGAJIAN SISWAZAH | |
|---|---|---|---|---|
| | DIPLOMA | SARJANA MUDA | SARJANA | PhD |
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam | 46 | 250 | 1 | 4 |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik | 42 | 238 | 2 | 12 |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli | 35 | 286 | 9 | 19 |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal | 43 | 307 | 3 | 3 |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi | 59 | 237 | 11 | 10 |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian | 43 | 244 | 7 | 6 |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri | - | 110 | 2 | 9 |
| **JUMLAH** | **268** | **1,672** | **35** | **63** |



Di peringkat pengajian siswazah, jumlah keseluruhan kemasukan pelajar baharu adalah seramai 98 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 86 orang pelajar mengikuti pengajian secara sepenuh masa manakala 12 pelajar lagi mengikuti pengajian secara separuh masa. Jadual berikut menunjukkan bilangan pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah diterima masuk mengikuti pengajian di UMP pada tahun 2009.

*Jadual 11: Bilangan Pelajar Tempatan dan Antarabangsa Yang Mengikuti Pengajian Bagi Tahun 2009*

| PELAJAR | SEPENUH MASA | SEPARUH MASA | SARJANA | PhD |
|---|---|---|---|---|
| **Tempatan** | 47 | 12 | 42 | 17 |
| **Antarabangsa** | 39 | - | 21 | 18 |
| **Jumlah** | **86** | **12** | **63** | **35** |

*Jadual 10: Data Kemasukan Pelajar Siswazah Tahun 2009*

| PROGRAM PENGAJIAN | SEPARUH MASA | SEPENUH MASA |
|---|---|---|
| Sarjana Kejuruteraan | 27 | 55 |
| Sarjana Sains | 2 | 23 |
| Sarjana Pengurusan Teknologi | 1 | 11 |
| Doktor Falsafah | 13 | 69 |
| Jumlah | 43 | 158 |
| **Jumlah keseluruhan** | **201** | |

*Jadual 11: Jumlah Kemasukan Pelajar Bagi Sesi 2009/2010 Mengikut Negara*

| BIL | NEGARA | BILANGAN |
|---|---|---|
| 1 | China | 12 |
| 2 | Indonesia | 8 |
| 3 | Pakistan | 7 |
| 4 | Iraq | 6 |
| 5 | Bangladesh | 3 |
| 6 | Sudan | 2 |
| 7 | Uzbekistan | 1 |
| 8 | Libya | 1 |
| | **Jumlah** | **40** |



*Carta 11: Statistik Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara Yang Telah Mendaftar Pada Tahun 2009*






UMP juga telah melahirkan graduan bermula pada tahun 2005. Pada tahun 2009, Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP telah diadakan pada 3 hingga 4 Oktober 2009. Bilangan pelajar yang telah menamatkan pengajian adalah seperti berikut:

*Jadual 14: Bilangan Pelajar Yang Telah Menamatkan Pengajian Pada Tahun 2009*

| FAKULTI | PRASISWAZAH | | PENGAJIAN SISWAZAH | |
|---|---|---|---|---|
| | DIPLOMA | SARJANA MUDA | SARJANA | PhD |
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam | 29 | 95 | - | - |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik | 42 | 131 | - | - |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli | 40 | 164 | - | - |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal | 51 | 186 | 2 | - |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi | 21 | - | 2 | - |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian | 34 | 38 | - | - |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri | 29 | 95 | - | - |
| **JUMLAH** | **246** | **709** | **4** | **-** |





Dalam pada itu, terdapat seramai empat orang pelajar siswazah telah berjaya menamatkan pengajian dan menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP.

*Jadual 15: Senarai Nama Pelajar Siswazah Berjaya Menamatkan Pengajian dan Menerima Ijazah Pada Majlis Konvokesyen Ke-4 Tahun 2009*

| BIL. | NAMA | PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | Fadzil Bin Abdul Rahim | Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) |
| 2. | Nafrizuan Bin Mat Yahya | Sarjana Kejuruteraan (Pembuatan) |
| 3. | Awang Bin Idris | Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) |
| 4. | Hadijah Binti Haron | Sarjana Pengurusan Teknologi (Sumber Kapital Manusia) |

## Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

UMP telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al'Mu'adzam Shah pada Majlis Konvokesyen Komemoratif & Majlis Konvokesyen Ke-4 yang telah diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 3 Oktober 2009 yang lalu.

Majlis yang penuh adat istiadat itu telah disempurnakan oleh Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Majlis Konvokesyen Komemoratif ini turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan tertinggi, ahli akademik, staf dan sebahagian dari pelajar UMP. Selain itu, terdapat juga jemputan di kalangan pegawai kerajaan negeri daripada pelbagai agensi turut hadir pada majlis tersebut.

Penganugerahan Ijazah kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam Kepada KDYMM Sultan Ahmad Shah adalah sebagai penghargaan Universiti Malaysia Pahang terhadap jasa serta sumbangan baginda dalam bidang Kejuruteraan Awam di dalam merintis usaha pembangunan dan kemajuan negeri Pahang Darul Makmur. Ini termasuklah kampus tetap UMP yang telah baginda sempurnakan peletakan batu asasnya pada 2 November 2002. Pembangunan kampus tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan bakal menjadi mercu tanda yang mewarnai kegemilangan zaman pemerintahan baginda apabila siap sepenuhnya menjelang tahun 2015 nanti.







## PEMBANGUNAN AKADEMIK

Dalam memastikan staf akademik mempunyai tahap kualiti dan profesionalisme yang tinggi, Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik (CAQADe) telah melaksanakan 16 kursus sepanjang tahun 2009. Antara kursus yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

*Jadual 16: Bilangan Kursus Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2009*

| BIL. | NAMA AKTIVITI | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran | 28 - 31 Januari 2009 |
| 2. | *English Placement Test* | 11 Mac 2009 |
| 3. | Bengkel Audit Prestasi Akademik | 13 - 15 Mac 2009 |
| 4. | Bengkel *e-Learning* | 18 Mac 2009 |
| 5. | Kursus Kaedah Penyelidikan | 12 - 18 April 2009 |
| 6. | Kursus Penulisan Jurnal | 11 - 12 Mei 2009 |
| 7. | Kursus Penulisan Kertas Cadangan bagi Calon PhD | 1 - 3 Jun 2009 |
| 8. | Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran | 8 - 11 Jun 2009 |
| 9. | Kursus Penulisan Kertas Penyelidikan | 1 - 2 Julai 2009 |
| 10. | Bengkel Beban Tugas Staf Akademik | 31 Julai - 2 Ogos 2009 |
| 11. | *Awareness on Accreditation* | 4 September 2009 |
| 12. | Bengkel Beban Mengajar Guru Bahasa | 14 September 2009 |
| 13. | *MQA Awareness* | 16 September 2009 |
| 14. | Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran | 26 27 Oktober 2009 |
| 15. | *Training of Trainers 1(OBE)* | 8 -10 Disember 2009 |
| 16. | *Training of Trainers 1(OBE)* | 23 - 24 Disember 2009 |

Bagi memantapkan serta memastikan program yang ditawarkan oleh UMP diiktiraf oleh badan-badan profesional, maka beberapa program juga telah dilaksanakan. Pada 6-9 Oktober 2009, satu sesi Audit Prestasi Akademik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah dilaksanakan dan UMP adalah merupakan universiti pertama melalui proses audit tersebut. Audit ini dilaksanakan bertujuan untuk memantau dan melihat tahap kesihatan dan prestasi universiti ini sepanjang pengoperasiannya dari tahun 2002 lagi.

Begitu juga, program penilaian akreditasi ke atas empat program kejuruteraan di bawah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) menerusi *Accreditation Engineering Council* (EAC).



Berikut adalah program-program yang telah melalui proses akreditasi oleh pihak EAC pada 13-14 Oktober 2009 .

*Jadual 15: Program Yang Melalui Proses Akreditasi Oleh Pihak EAC Pada Tahun 2009*

| PROGRAM YANG DINILAI | FAKULTI |
|---|---|
| Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) |
| Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas) | |
| Sarjana Muda Kejuruteraan Awam | Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) |
| Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) |

Pembangunan akademik UMP juga turut disokong melalui peranan yang dimainkan oleh Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Akademik (PPPA) yang berperanan dalam menyelaras dan mengawalselia aktiviti-aktiviti di bawah Latihan Industri, Pembangunan Akademik dan Kemahiran Insaniah *(Soft Skills)*. Justeru, dalam memastikan program universiti sentiasa berdaya saing, maka pelbagai usaha dilaksanakan ke arah pembangunan program-program yang lebih futuristik, berinovasi dan berdaya saing. Jadual 18 di bawah menunjukkan beberapa perancangan untuk pembangunan akademik universiti:

*Jadual 18: Data Perancangan Pembangunan Akademik Universiti Sepanjang Tahun 2009*

| PERANCANGAN | KETERANGAN |
|---|---|
| Program Baharu | • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Arkitek<br>• Ijazah Sarjana Muda Teknologi Marin<br>• Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif<br>• Ijazah Sarjana Muda Bio Farmaseutikal<br>• Ijazah Sarjana Muda Matematik Industri<br>• Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan<br>• Ijazah Sarjana Muda Sains Bahan |
| Fakulti | Dalam usaha untuk menaik taraf Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan menjadi sebuah fakulti penuh dengan nama Fakulti Bahasa & Sains Kemanusiaan. |




Dalam pada itu, PPPA juga melaksanakan fungsi untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai pembentukan sahsiah yang unggul dan berketerampilan berteraskan nilai-nilai murni menerusi program Kemahiran Insaniah *(Soft Skills).* Antara program yang dilaksanakan adalah Ceramah Pengurusan Kewangan dengan kerjasama Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) pada 11 Februari 2009 dan seminar *Soft Skills* sebagai persediaan memasuki dunia industri pada Februari dan Ogos 2009. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam alam pekerjaan yang sebenar kelak.

Selain itu, untuk memastikan pelajar universiti mencapai kualiti yang dikehendaki oleh pihak industri dan organisasi seramai 967 orang pelajar telah berjaya ditempatkan di industri semasa program Latihan Industri (LI) dan daripada jumlah tersebut seramai enam orang pelajar telah berjaya mendapat tempat untuk menjalani LI di luar negara iaitu di United Kingdom, Brunei Darussalam, Korea, Ireland, dan China.

*Jadual 17: Jumlah Pelajar Yang Berjaya Menjalani Latihan Industri Mengikut Pecahan Fakulti Pada Tahun 2009*

| SESI | FAKULTI | | | | | TOTAL |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | FKM | FKASA | FKEE | FSKKP | FKKSA | |
| II 2009/10 | 234 | 154 | 178 | 49 | 39 | 654 |
| I 2009/10 | 22 | 22 | 58 | 49 | 162 | 313 |
| **JUMLAH** | **256** | **176** | **236** | **98** | **201** | **967** |

*Jadual 20: Jumlah Pelajar Yang Menjalani Latihan Industri di Luar Negara Pada Tahun 2009*

| BIL | NAMA INDUSTRI | NEGARA | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | University Of Southampton | United Kingdom | 1 |
| 2. | At&S Sdn. Bhd. | Brunei Darussalam | 1 |
| 3. | Daejeon University | Korea | 1 |
| 4. | Pm Group | Ireland | 2 |
| 5. | Shanghai Hyron Softwae Co.,Ltd | China | 1 |
| | **JUMLAH** | | **6** |

## PROGRAM JARINGAN KERJASAMA UMP-SEKOLAH KLUSTER

UMP telah ditindikkan dengan beberapa buah Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. SKK merupakan sekolah-sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya berasaskan aspek akademik, kokurikulum, sahsiah, pengurusan sekolah, budaya, hubungan dengan pihak luar, pembangunan modal insan dan sumber yang ada. SKK mempunyai bidang kebitaraan *(niche areas)* yang dapat menyerlahkan watak sekolah tersebut.

Atas prinsip yang ada, universiti mewujudkan rangkaian untuk membenarkan sekolah tersebut mengikuti beberapa aktiviti di universiti serta mendapat manfaat daripada kemudahan-kemudahan yang terdapat di universiti seperti kemudahan makmal. Buat masa ini, terdapat tiga buah Sekolah Kluster yang ditindikkan dengan UMP selaras dengan bidang kebitaraan sekolah iaitu:

*Jadual 19: Senarai Sekolah Kluster Yang Diletakkan di Bawah UMP Pada Tahun 2009*

| BIL | NAMA SEKOLAH | BIDANG KEBITARAAN SEKOLAH |
|---|---|---|
| 1. | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL RAHMAN TALIB (SMART) **FASA 1** | • Program kecemerlangan sekolah dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.<br>• Kerjasama bidang kokurikulum khususnya orkestra dan gamelan |
| 2 | SEKOLAH KEBANGSAAN (P) METHODIST KUANTAN (MGS) **FASA 2** | • Program peningkatan dan kecemerlangan bahasa Inggeris di kalangan guru dan pelajar.<br>• Meningkatkan aktiviti kebudayaan seperti orkestra.<br>• Bantuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam bidang sukan Skuasy. |
| 3 | SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR DUA PALOH HINAI **FASA 2** | • Meningkatkan aktiviti kebudayaan dengan memperkenalkan kebudayaan orang Asli seperti tarian pelandok, walinong sari.<br>• Meningkatkan kemahiran murid yang lemah – kemahiran 3M |

Sepanjang 2009, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan melibatkan SKK. Antara program-program tersebut adalah:

1. Projek di bawah program *Teenager Research & Development Programme (SMART)*
   - *Rocket Parachute, Solar Car, Cooking with Nature* (Kerjasama dengan FKM / FKKSA)
   - *Production of Biodiesel from waste cooking oil Phase 1* (FKKSA)
   - Projek Pembangunan Penyelidikan UMP-SMART (FKKSA)
   - -Projek F1 (Kerjasama dengan FKM)
2. Kursus Peningkatan Professionalisme Keguruan bagi guru-guru Bahasa Inggeris dalam pengajaran & pembelajaran. (Kerjasama di antara PBMSK dan MGS)
3. Kursus komunikasi Bahasa Inggeris di kalangan guru-guru bukan Bahasa Inggeris dan kakitangan sekolah. (Kerjasama di antara PBMSK dan MGS)
4. Program motivasi peningkatan sahsiah warga pendidik MGPS. (Kerjasama di antara PBMSK dan MGS)
5. Menyediakan Lagu Sekolah (Bandar Dua Paloh Hinai)

Program bersama PBMSK dan MGS telah dipilih oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi sebagai program paling aktif dilaksanakan sepanjang tahun 2008-2009.




# Penyelidikan & Inovasi


GRAND FINAL

# PENYELIDIKAN & INOVASI

Tahun 2009 menyaksikan beberapa perubahan struktur di Jabatan Penyelidikan & Inovasi untuk memperkukuhkan peranan jabatan di samping menambahbaik proses-proses pengurusan penyelidikan sedia ada. Pusat Pengurusan Penyelidikan telah dinaik taraf kepada Pejabat Penyelidikan dengan jawatan Pengarah sedia ada dinaik taraf kepada Dekan Penyelidikan. Ini bagi meningkatkan peranan dekan penyelidikan supaya ianya setaraf dengan dekan-dekan fakulti dan boleh berperanan dengan lebih luas lagi.

Geran penyelidikan universiti juga telah dinaik taraf dengan ditingkatkan jumlah maksimanya daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00 bagi setiap projek dan juga dipanjangkan masanya daripada setahun kepada dua tahun bagi setiap projek penyelidikan. Pihak universiti juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk Tabung Dana Penyelidikan Universiti.

Pihak universiti turut memperuntukkan sebanyak RM2,810,000.00 bagi membantu penyelidik-penyelidik membentang kertas kerja mereka di seminar peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit yang berimpak tinggi, mendaftar harta intelek hasil daripada penyelidikan, menyertai pertandingan dan promosi penyelidikan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dan juga membantu projek penyelidikan dalam proses prapengkomersilan.

Tidak ketinggalan, pada tahun ini juga universiti telah memantapkan Skim Pelajar Penyelidikan yang mana universiti telah menjanjikan penajaan pada setiap tahun kepada 20 orang pelajar di peringkat Kedoktoran dan 40 tempat lagi bagi pelajar pengajian di peringkat Sarjana. Ini menunjukkan betapa seriusnya universiti dalam memperkukuhkan budaya penyelidikan di UMP.

Bukan sekadar itu sahaja, kepada penyelidik yang telah mengharumkan nama universiti dalam pelbagai bidang dan acara juga telah diberi pengiktirafan pada tahun 2009. Anugerah Cendekia Bitara telah diperkenalkan bagi menambahbaik pengiktirafan universiti sebelum ini yang dinamakan Malam Aspirasi. Anugerah Cendekia Bitara telah dinobatkan sebagai salah satu acara rasmi Universiti yang diadakan setiap tahun bagi mengiktiraf jasa dan kecemerlangan para penyelidik.

Dengan pelbagai penambahbaikan dilakukan dalam jabatan ini, tahun 2009 merupakan tahun yang penting bagi universiti dalam meneraju kecemerlangan bidang penyelidikan untuk tahun-tahun berikutnya di UMP. Semoga dengan usaha yang berterusan seperti ini dapat merealisasikan impian universiti untuk menjadi sebuah Universiti Teknikal Pilihan Bertaraf Dunia.

*Carta 12: Statistik Peruntukan Penyelidikan UMP (2008 dan 2009)*




| | FRGS - KPT | Sciencefund - MOSTI | UMP Research Grant | Penyelidikan Kontrak |
|---|---|---|---|---|
| 2008 | RM340,500.00 | RM302,000.00 | RM468,070.00 | RM699,380.00 |
| 2009 | RM34,000.00 | RM664,040.00 | RM4,851,024.00 | RM5,800,000.00 |

*Carta 13: Perbandingan Penghasilan Kertas Kerja, Penerbitan Artikel Jurnal dan Penerbitan Artikel Dalam Jurnal Berimpak Tinggi Antara Tahun 2008 dan 2009*






| BIL. | KRITERIA | KPI | 2008 | 2009 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Paten | Peringkat Nasional | 4 | 49 |
| 2. | Jumlah Harta Intelek (Selain Paten) / Hakcipta (Termasuk Penulisan Asal) | Lain-lain Harta Intelek (Hak Cipta / *Trademarks/Service Mark/ Industrial Design)* | - | 9 |

## PENGIKTIRAFAN PENYELIDIKAN UMP

Tahun 2009 juga melihatkan peningkatan daripada segi penerimaan pengiktirafan kepada produk penyelidikan UMP yang bertanding dalam pameran dan pertandingan penyelidikan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Tahun 2009 menyaksikan penyelidik di UMP dinobatkan sebagai Pemenang Hadiah Istimewa Platinum dan Hadiah Istimewa Diamond dalam pertandingan penyelidikan di *British Invention Show Exhibition 2009.* Ini membuktikan penyelidikan yang dihasilkan oleh UMP adalah berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

*Carta 18: Jumlah Pingat Yang Dimenangi Sepanjang Tahun 2009*






PAHANG

# UMP lecturers win awards at British Invention Show

KUANTAN: Two lecturers from Universiti Malaysia Pahang (UMP) did the country proud by bagging three gold medals and two special awards at the British Invention Show 2009 in London last week.

One of the winning entries was for a non-toxic biodegradable plastic that could decompose easily while the other two entries dealt with a technique to treat joint contractions without requiring open surgery and a multi-purpose spring pole for industrial use.

The winning entries were among the 300 inventions featured at the show at the Alexandra Palace from Oct 14 to 17, with participants from the United Kingdom, Taiwan, Saudi Arabia, Spain and Iran.

Norashikin Mohd Zain, 27, from the Chemical and Natural Resources Engineering faculty won a gold medal and two special awards.

The former Universiti Teknologi Malaysia student bagged the gold medal for inventing the plastic from agricultural waste.

Zamzuri Hamedon, 38, from the Manufacturing Engineering and Technology Management faculty won two gold medals for inventing the non-surgical treatment for joints, called the "Universal External Hinge Fixator (UniHF)" and a "Multi Purpose Spring Activated Pole (SAP)".

The UniHF is a simple technique designed to be used for treating joint contractions without open surgery and produces an effective result while SAP is a multipurpose unit which deploys compressed springs to provide mechanical force to function.

The duo were honoured at a ceremony attended by UMP vice-chancellor Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim here on Thursday.

Daing Nasir said UMP had applied for the patents on the winning entries since the researches have the potential to be developed commercially.

He said more researches were expected to be carried out once the central lab, which would be home for all UMP's research works, was completed in the 10th Malaysia Plan.

Norashikin said her invention had earlier won a gold medal at the International Invention, Innovation & Technology Exhibition held at the Kuala Lumpur Convention Centre in May.

Universiti Malaysia Pahang vice-chancellor Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (centre) looking at the medals won by university's lecturers Zamzuri Hamedon (right) and Norashikin Mohd Zain.

## Hubungan Universiti – Industri

Sepanjang tahun 2009 sebanyak dua memorandum perjanjian (MoA) dan sembilan memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani dengan rakan industri yang mempunyai aktiviti atau bidang penyelidikan yang berkaitan dengan bidang fokus UMP. Berikut disertakan senarai MoA dan MoU yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2009.

*Jadual 22: Senarai MOA Yang Ditandatangani Sepanjang Tahun 2009*

| BIL | INDUSTRI | AKTIVITI/BIDANG | FAKULTI/PUSAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Warisan Akademi Sdn. Bhd. | Kerjasama antara pihak Warisan Akademik Sdn. Bhd. (WAP) dan UMP dalam bidang pendidikan iaitu:-<br>• Membenarkan WAP mengendalikan Program Akademik tersebut separuh masa; dan<br>• Memberi nasihat kepakaran kepada WAP di dalam penyediaan kemudahan Program Akademik tersebut. | Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) |
| 2. | Ranhill Utilities Berhad | Kerjasama dalam bidang khidmat teknikal, reka bentuk kejuruteraan, pembinaan dan kemudahan perkhidmatan rawatan air kumbahan. | Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam |

*Jadual 23: Senarai MOU Yang Ditandatangi Sepanjang Tahun 2009*

| BIL | INDUSTRI | AKTIVITI/BIDANG | FAKULTI/PUSAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | • Kerjasama yang dijalankan adalah dalam bidang penyelidikan yang menggabungkan komponen sains daripada UIAM dan komponen kejuruteraan daripada UMP akan mempunyai kesempurnaan yang lebih tinggi berbanding penyelidikan oleh satu pihak sahaja.<br>• Penyelidikan 1 : *Determination of Mineral Profiles, Antioxidant Activity and Phenol Content of Various Species of Colues (Ati-Ati) Plant.*<br>• Penyelidikan 2 : *In vitro propagation of Pogostemon cablin Bent.* | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) |
| 2. | Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. | • Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. menawarkan portal www.jobmarket.com.my iaitu portal sumber manusia yang pertama di Malaysia khusus untuk program LI kepada pelajar IPT.<br>• Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. akan menawarkan khidmat menemukan pelajar LI dan industri yang menawarkan tempat LI secara atas talian *(online)* melalui Jobmarket-The Internship Portal. Berdasarkan statistik mereka pada 2007, kira-kira 82% pelajar LI dari pelbagai universiti yang menjadi ahli portal Jobmarket telah ditawarkan tempat LI secara atas talian.<br>• Kerjasama ini penting bagi Pusat Perkhidmatan Akademik melalui Unit Latihan Industri yang telah diberi mandat untuk menguruskan LI secara berpusat mulai Semester I Sidang 2007/2008. | Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA) |
| 3. | Intran Technologies Sdn. Bhd. Universiti Malaya | • Kerjasama dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan meliputi bidang-bidang pembangunan loji pandu proses dan kajian mengenai *medical diagnostic kit.*<br>• Penganalisaan untuk membangunkan produk utama dan tambah nilai.<br>• Pengesahan dan Pensijilan Penyelidikan dan Pembangunan.<br>• Pembangunan Kejuruteraan Peralatan dan Pengeluaran.<br>• Apa-apa aktiviti yang difikirkan sesuai oleh ketiga-tiga pihak. | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) |
| 4. | PASDEC Holdings Berhad | • Penyelidikan dan Pembangunan<br>• Pembangunan Modal Insan<br>• Pembangunan Hartanah | Jabatan Pendaftar |

| BIL | INDUSTRI | AKTIVITI/BIDANG | FAKULTI/PUSAT |
|---|---|---|---|
| 5. | Hicom Automotive Manufacturers (M) Sdn.Bhd | • Kerjasama di dalam bidang akademik.<br>• Kerjasama di dalam bidang Penyelidikan dan Perundingan.<br>• Kerjasama di dalam bidang Pembangunan Modal Insan<br>• Lain-lain aktiviti yang dirasakan sesuai oleh semua pihak. | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal |
| 6. | LKPP Corporation | • Kerjasama dalam bidang-bidang berkaitan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) meliputi bidang teknologi Malaysia.<br>• Penghasilan produk selulosa mikro habluran untuk pembangunan produk utama dan tambah nilai<br>• Pembangunan kejuruteraan peralatan dan pengeluaran.<br>• Apa-apa aktiviti yang difikirkan sesuai oleh kedua-dua pihak. | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) |
| 7. | Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Cawangan Negeri Pahang | • Kerjasama dalam bidang akademik<br>• Kerjasama dalam bidang pembangunan Modal Insan. | Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) |
| 8. | Universiti Malaysia Terengganu (UMT) | • Kerjasama dalam bidang akademik.<br>• Pembangunan Staf dan pelajar<br>• Kerjasama dalam bidang-bidang berkaitan Penyelidikan & Pembangunan (R&D) | Universiti Malaysia Pahang |
| 9. | Heitech Padu Berhad | • Mengadakan kerjasama dalam pembangunan modal insan melalui seminar,kolokium,bengkel, kursus dan lain-lain.<br>• Menaja inisiatif *Oracle Academy* yang dilaksanakan oleh Oracle Corporation meliputi bidang-bidang di dalam Kejuruteraan perisian dan Pembangunan aplikasi berdasarkan teknologi *Oracle*. | Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian |

## PENYELIDIKAN KONTRAK BERSAMA INDUSTRI

Perkembangan projek R&D dengan pihak industri berkembang pesat dari tahun 2008-2009 melalui penubuhan Pusat Hubungan Universiti Industri di bawah Jabatan Penyelidikan & Inovasi yang berfungsi untuk meningkatkan aktiviti hubungan universiti industri dengan lebih berkesan di samping menerokai peluang-peluang untuk pengkomersialan projek R&D yang dibangunkan oleh para penyelidik UMP. Jumlah Geran Penyelidikan Kontrak telah meningkat daripada RM699,380.00 pada tahun 2008 kepada RM5,800,000.00 pada tahun 2009. Jadual 24 berikut merupakan antara industri yang terlibat aktif dalam kerjasama dalam hubungan Universiti-Industri dengan UMP.

*Jadual 22: Senarai Industri Yang Menjalikan Hubungan Universiti-Industri Dengan UMP Tahun 2009*

| RAKAN KOLABORASI | TAJUK KOLABORASI | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) |
|---|---|---|
| PROTON | Saga & Exora VA/VE | 300,000.00 |
| PERODUA | Suspension Module: Pasive, Semi Active & Active Asorber | 2,600,000.00 |
| Sapura Industrial | Industrial Robot - Teaching, Learning & R&D | 2,900,000.00 |





## KHIDMAT TEKNIKAL, PERUNDINGAN & GERAN PRAPENGKOMERSIALAN

Melalui aktiviti perundingan pada tahun 2009, UMP telah menjana pendapatan sebanyak RM 169,496.00. Manakala sejumlah RM 299,362.00 pula telah dijana hasil daripada aktiviti perkhidmatan teknikal yang ditawarkan. Selain itu juga, tahun 2009 menyaksikan komitmen Pusat Hubungan Universiti-Industri semakin berkembang dengan penganugerahan geran prapengkomersialan sebanyak RM 255,000.00 daripada universiti, khusus untuk membantu projek yang berpotensi untuk dikomersialkan. Sebanyak tiga projek yang berpotensi telah terpilih untuk menerima geran ini.

Hasil daripada penganugerahan geran ini, sebuah *pilot plant* telah dibina bagi membolehkan penyelidik menjalankan penyelidikan dengan lebih menyeluruh.

*Jadual 23: Projek Yang Memperolehi Geran Pra-Pengkomersilan UMP Pada Tahun 2009*

| BIL | NAMA PROJEK | KETUA PROJEK | NILAI GERAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | *Integrated Rainwater & Ground Water Harvesting via WASRA for Clean Water Supply in Rural Area.* | Encik Abdul Syukor Abd Razak | RM 150,000.00 |
| 2 | LESTARI: *Utilizing Natural Driven Process For Industrial Wastewater Treatment Toward An Environmental-Friendly Sustainable Development.* | Encik Abdul Syukor Abd Razak | RM 55,000.00 |
| 3 | *The Development Biofeedback Protocol & Training Module To Enhance Emotional Stability Among Express Bus Driver (Easo) & The Effect Of Remedial Device In Study Orientation Skills And Its Relationship With Academic Performance.* | Prof. Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab | RM 50,000.00 |

## PENCAPAIAN PENERBIT UMP

Objektif penubuhan Penerbit di UMP adalah untuk memperbanyakkan penerbitan buku dan bahan ilmiah bermutu tinggi yang dihasilkan oleh para akademik dan cendekiawan bagi tujuan menambahkan khazanah ilmu, menyebar pengetahuan dan maklumat untuk manfaat manusia sejagat, di samping mengangkat nama Universiti Malaysia Pahang dan menyokong misi penubuhannya.

Dasar Penerbit UMP menitikberatkan bidang pengkhususan universiti dan karya-karya yang menyokong pengajaran dan pembelajaran di UMP tanpa meminggirkan isu-isu masyarakat setempat dan bahasa kebangsaan. Sehubungan dengan itu pada tahun 2009, Penerbit UMP telah berjaya menghasilkan beberapa buah penerbitan akademik yang menyokong kepada objektif dan dasar yang telah digariskan sebelum ini.

*Jadual 24: Bilangan terbitan Yang Diterbitkan Oleh Penerbit UMP Sepanjang Tahun 2009*

| KATEGORI | BILANGAN |
|---|---|
| Buku Ilmiah | 10 (6 kejuruteraan ; 4 sains kemanusiaan) |
| Modul | 11 (6 kejuruteraan ; 5 sains kemanusiaan) |
| Monograf | 1 |
| Jurnal | 2 |
| Coffee Table Book | 2 |





## UNIT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (OSHU)

Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UMP *(OSHU- Occupational Safety & Health Unit)* di bawah Jabatan Penyelidikan & Inovasi telah dibincang dan diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 6/2009 pada 18 Mei 2009 yang lalu. Objektif penubuhan unit adalah untuk:

- Mewujudkan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti yang berterusan dan teratur, berdasarkan kehendak perundangan negara, terutama kehendak AKKP 1994.
- Bertindak sebagai seketariat kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan universiti bagi membolehkan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di Universiti ini, diurus dan ditadbir dengan berkesan berdasarkan kehendak-kehendak perundangan negara, terutamanya Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.
- Mempromosikan pembentukan BUDAYA KERJA SELAMAT & SIHAT bagi mencapai KEMALANGAN SIFAR di UMP.
- Menyelaras dan mengkoordinasi aktiviti yang berkaitan bidang kuasa pihak berkuasa seperti latihan tahunan kecemasan di bawah JBPM, pembaharuan dan pemeriksaan berkala bagi mesin yang memerlukan perakuan kelayakan di bawah DOSH iaitu Peraturan Kilang dan Jentera, 1970 (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan), pemakluman kejadian kemalangan serius kepada DOSH iaitu Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 2004 (Pemberitahuan Mengenai kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan).

## AKTIVITI OSHU

Kursus *Safety Awareness* (Seminar OSHA) telah dijalankan sepanjang tahun 2009 seramai 416 staf UMP telah mengikutinya dan perancangan telah dibuat bagi memastikan 100% staf di UMP mengikuti Kursus *Safety Awareness* ini bagi memastikan setiap staf sedar akan kepentingan keselamatan & kesihatan di UMP

Antara Aktiviti-aktiviti lain ialah:

- Kursus *Green Card* – CIDB telah dijalankan pada 30 dan 31 Mac 2009 yang lalu. Kursus ini adalah anjuran Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMP dengan kerjasama Unit Latihan dan Cuti Belajar (Jabatan Pendaftar)
- Mewakili UMP untuk menghadiri Mesyuarat Bersama Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Institusi Pengajian Tinggi & Institusi Penyelidikan & Pembangunan Bil 13(1/2009) di UTHM, Johor pada 4-5 Mac 2009.
- Bertindak sebagai sekretariat untuk "Audit Peringkat Kedua" Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara Peringkat Kebangsaan 2008 untuk Makmal FKKSA pada 13 Julai 2009.
- Menjalankan aktiviti penilaian risiko dan bahaya (HIRARC) bagi mengenal pasti hazad dan bahaya yang wujud di semua makmal FKASA. Aktiviti ini telah dijalankan oleh empat orang pelajar latihan industri bagi pegawai keselamatan & kesihatan pekerjaan (SHO) daripada kursus *Train & Place* anjuran CENFED.


N-AIR




# Pengantarabangsaan



# PENGANTARABANGSAAN

Pejabat Antarabangsa UMP baharu ditubuhkan sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 5 Januari 2009. Penubuhan Pejabat Antarabangsa dilihat sebagai kesinambungan daripada usaha UMP untuk mengukuhkan lagi agenda pengantarabangsaan yang merupakan salah satu daripada Faktor Kritikal Kejayaan *(Critical Success Factor)* dalam Pelan Strategik Universiti.

Skop Pejabat Antarabangsa telah berkembang sepenuhnya yang merangkumi pelaksanaan segala agenda pengantarabangsaan universiti yang sebelum ini dijalankan di pelbagai PTJ yang berlainan. Justeru, penubuhan Pejabat Antarabangsa dilihat sebagai satu cara terbaik bagi memperkemaskan dan memantapkan tugas dan fungsi pengantarabangsaan UMP.

Antara objektif penubuhan Pejabat Antarabangsa ialah:

- Memastikan segala agenda pengantarabangsaan universiti dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai semua objektif dan sasaran yang ditetapkan;
- Menjalin hubungan yang baik dengan PTJ-PTJ lain dan membantu mereka dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan;
- Memastikan Pejabat Antarabangsa sentiasa mempunyai imej yang positif bukan sahaja kepada pelanggan dalamannya (pelajar dan staf UMP) malah pelanggan-pelanggan luaran terutamanya dari luar negara; dan
- Menjadikan Pejabat Antarabangsa sebagai pusat hentian setempat *(one stop centre)* bagi semua aktiviti dan perkara yang berkaitan dengan pengantarabangsaan.

## PELAJAR ANTARABANGSA

Tahun 2009 adalah merupakan tahun yang bersejarah kepada Universiti Malaysia Pahang kerana buat julung kalinya menerima kemasukan pelajar antarabangsa di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Seramai 48 orang pelajar antarabangsa telah mendaftar bagi kursus-kursus pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda pada bulan Julai 2009.

Di samping itu juga, terdapat peningkatan yang ketara bagi jumlah pelajar antarabangsa di peringkat pascasiswazah (Ijazah Sarjana dan Doktoral). Jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di peringkat pasca siswazah pada tahun 2009 ialah seramai 61 orang. Jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di UMP pada tahun 2009 ialah seramai 109 orang.

Berikut adalah carta pecahan terperinci pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang mengikut negara, peringkat pengajian dan fakulti.

*Carta 15: Jumlah Semasa Pelajar Antarabangsa Tahun 2009*




*Carta 26: Bilangan Pelajar Antarabangsa Mengikut Peringkat Pengajian*




*Carta 17: Bilangan Pelajar Antarabangsa Mengikut Fakulti*



## AKTIVITI PELAJAR

Pejabat Antarabangsa berjaya mengadakan dan menyertai beberapa aktiviti pelajar sepanjang tahun ini. Penganjuran *International Night Gala 2009* telah memberi peluang kepada pelajar antarabangsa di Universiti ini untuk memperkenalkan negara mereka dan seterusnya merapatkan hubungan sesama mereka dan warga tempatan UMP.

Selain daripada itu juga, pelajar antarabangsa UMP telah mengambil bahagian dalam beberapa acara iaitu Futsal, Bola Keranjang dan Tarik Tali dalam *International Sports Carnival 2009* bertempat di Sunway University College pada 17 Julai 2009. Acara Tarik Tali telah meletakkan pelajar UMP ke peringkat separuh akhir.

Jadual 27 adalah senarai aktiviti bagi pelajar antarabangsa yang dijalankan oleh Pejabat Antarabangsa sepanjang tahun 2009.

*Jadual 27: Senarai Aktiviti yang Dijalankan oleh Pelajar Antarabangsa Sepanjang Tahun 2009*

| BIL. | PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | *Vice-Chancellor Reception with International Undergraduate Students* | 13 Januari 2009 |
| 2. | Program sempena sambutan Perayaan Tahun Baru Cina pelajar antarabangsa di kediaman YB Menteri Kesihatan | 1 Februari 2009 |
| 3. | *International Sports Carnival 2009-Sunway University College* | 17 Julai 2009 |
| 4. | *International Night Gala 2009* | 2 Oktober 2009 |

## PROGRAM PROMOSI DI LUAR NEGARA

Selaras dengan hasrat untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa menyambung pengajian di UMP, justeru pihak Pejabat Antarabangsa telah mengambil inisiatif menyertai beberapa siri promosi pameran di luar negara anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi. Program ini telah berjaya mempromosikan program-program yang ditawarkan di UMP. Berikut adalah senarai penuh program promosi UMP di luar negara sepanjang tahun 2009.

*Jadual 28: Senarai Program Promosi UMP di Luar Negara Sepanjang Tahun 2009*

| BIL. | NAMA PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | (Menyertai Career Fair 2009 di United Kingdom) | 27 Mac – 2 April 2009 |
| 2. | Aktiviti Promosi Akademik di Uzbekistan dan Kyrgyztan | 23 - 28 April 2009 |
| 3. | Aktiviti Promosi Akademik di Bosnia Herzegovina | 26 April – 1 Mei 2009 |
| 4. | Aktiviti Promosi Akademik di Amman, Jordan | 8 - 11 November 2009 |
| 5. | Aktiviti Promosi Akademik di Libya | 19 – 24 September 2009 |



## PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARABANGSA

Tahun 2009 telah menyaksikan sejumlah lapan Perjanjian Persefahaman telah ditandatangani oleh UMP dan beberapa rakan universiti luar negara daripada Mesir, Ireland dan China.

*Jadual 29: Senarai Perjanjian Persefahaman (MoU) Yang Ditandatangani Sepanjang Tahun 2009*

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>UNIVERSITI LUAR NEGARA YANG TERLIBAT</th><th>TARIKH TANDATANGAN</th><th>KERJASAMA</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Alexandria University, Egypt</td><td>23 Januari 2009<br>5 Tahun</td><td rowspan="8">Kerjasama Akademik & Penyelidikan<br><br>a) Akademik<br>• Program Berkembar Prasiswazah<br>• Profesor Pelawat<br>• External Academic Advisor<br>• Program Pertukaran Pelajar<br>• Industrial Attachment<br>• Pemindahan Kredit<br>• Cultural Exchange<br>• Program Pertukaran Staf<br>• Akademik<br>• Pentadbiran<br>• Split Program<br><br>b) Kerjasama Penyelidikan<br>• Joint Research Program</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Misr University For Science</td><td>23 Januari 2009<br>5 Tahun</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Institute of Technology Tallaght, Ireland</td><td>23 Januari 2009<br>5 Tahun</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Dundalk Institute of Technology, Ireland</td><td>23 Januari 2009<br>5 Tahun</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Athlone Institute of Technology, Ireland</td><td>23 Januari 2009<br>5 Tahun</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Hebei Normal University, Hebei</td><td>19 Mac 2009</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Beijing International Studies University, Beijing</td><td>18 Mac 2009</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Xian Shiyou University, Xian</td><td>20 Mac 2009</td></tr>
</table>

## PROGRAM PELAJAR KE LUAR NEGARA

Sepanjang 2009, seramai tiga orang pelajar UMP telah mengikuti program pertukaran pelajar di luar negara. Saudari Lim Chin Huey daripada Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) telah berjaya mengikuti program pertukaran pelajar di bawah kelolaan Asean University Network (AUN) ke Daejon University, Korea. Seterusnya, dua orang pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) telah mengikuti program pertukaran pelajar di salah sebuah universiti luar negara iaitu Misr University of Science & Technology (MUST) di Mesir.

Selain itu, beberapa siri lawatan akademik yang melibatkan pelajar UMP telah diadakan sepanjang bulan November dan Disember 2009. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan antarabangsa kepada seberapa ramai pelajar di universiti ini.

*Jadual 30: Senarai Program Pertukaran Pelajar Sepanjang Tahun 2009*

| BIL. | UNIVERSITI / NEGARA | BILANGAN / PELAJAR | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 1. | ASEAN-Republic of Korea International College Student Exchange Program – Daejeon University, Korea | 1 orang – Lim Chin Huey (Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian) | 23 Mac – 25 Disember 2009 |
| 2. | MISR University for Science & Technology, Egypt | 2 orang – Hamizah Jasmi dan Shafura Abidi<br><br>(Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Asli) | 8 Oktober 2009 – 30 Januari 2010 |

*Jadual 31: Senarai Program Lawatan Akademik Sepanjang Tahun 2009*

| BIL. | PROGRAM | BIL. PELAJAR | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Akademik pelajar ke Australia | 7 orang | 21 November - 3 Disember 2009 |
| 2. | Lawatan Akademik ke Amerika Syarikat | 8 orang | 2 - 12 Disember 2009 |
| 3. | Lawatan Akademik ke Bogor, Banten dan Jakarta, Indonesia | 14 orang | 13 - 19 Disember 2009 |
| 4. | Lawatan Akademik ke Ireland | 10 orang | 14 - 20 Disember 2009 |
| 5. | Lawatan Akademik ke South Central University for Nationalities, Wuhan | 10 orang | 14 - 24 Disember 2009 |
| 6. | Lawatan Akademik ke Hebei Normal University, China | 10 orang | 14-28 Dec 2009 |
| 7. | Lawatan Akademik ke Hong Kong dan Singapura | 6 orang | 17 - 24 Disember 2009 |
| 8. | Lawatan Akademik ke Egypt | 11 orang | 18 – 31 Disember 2009 |
| 9. | Lawatan Akademik ke Universitas Diponigoro, Indonesia | 6 orang | 21 - 23 Disember 2009 |

## PROGRAM PENEMPATAN STAF DI LUAR NEGARA

Selain daripada pelajar, UMP juga telah berjaya menempatkan seramai lima orang staf akademik dan seorang staf bukan akademik di institusi pengajian tinggi di luar negara. Mereka telah berada di luar negara bagi tempoh di antara satu hingga dua minggu.

*Jadual 32: Senarai Program dan Penempatan Staf Akademik di Luar Negara Pada Tahun 2009*

| BIL. | TARIKH | PROGRAM | INSTITUSI / NEGARA |
|---|---|---|---|
| 1. | 20 April – 9 Mei 2009 | Program Sangkutan Staf Akademik UMP di Xinjian University, China (Dr. Chin Sim Yee) | South Central University for Nationalities, China |
| 2. | 6 - 13 Jun 2009 | Program Sangkutan Staf Akademik UMP di Xinjian University, China (Dr. Zularisam bin Ab Wahid dan Dr. Mimi Sakinah binti Abdul Munain) | Xinjian University, China |
| 3. | 7 – 25 Julai 2009 | Program sangkutan staf akademik UMP di SCUN (Prof. Dr. Mashitah Binti Mohd Yusof) | South Central University for Nationalities, SCUN, China |
| 4. | 17- 22 Mac 2009 | Program sangkutan staf akademik UMP di SCUN( Prof. Madya Dr. Zulkifli Bin Hassan) | Xian Shiyou University, China |

*Jadual 33: Program dan Penempatan Staf Bukan Akademik di Luar Negara PadaTahun 2009*

| BIL. | TARIKH | PROGRAM | INSTITUSI / NEGARA |
|---|---|---|---|
| 1. | 14 - 24 Disember 2009 | Lawatan Kebudayaan (Nor Ashikin binti Sulaiman) | South Central University for Nationalities, China |

## KUNJUNGAN PELAWAT DARI LUAR NEGARA

Universiti Malaysia Pahang juga telah dikunjungi oleh sejumlah delegasi dari luar negara sepanjang tahun 2009. Antaranya ialah lawatan daripada delegasi Jordan berhubung dengan proses pengiktirafan UMP oleh kerajaan negara Jordan.

*Jadual 34: Senarai Delegasi Luar Negara Yang Melawat UMP Sepanjang Tahun 2009*

| BIL. | TARIKH | PERKARA | INSTITUSI / NEGARA |
|---|---|---|---|
| 1. | 26 Mac 2009 | Lawatan Kerja Rasmi Ketua Setiuasaha Kementerian Pengajian Tinggi & Kajian Saintifik Jordan | Jordan |
| 2. | 26 -28 April 2009 | Lawatan Kerja Rasmi dari MISR, Mesir | MISR University for Science & Technology, Mesir |
| 3. | 18 – 22 Mei 2009 | Lawatan dari South Central University for Nationalities (SCUN), China | South Central University for Nationalities, China |
| 4. | 28 – 29 Mei 2009 | Lawatan Kerja Rasmi dari Dr. Terry Jeves (Northern Consortium United Kingdom (NCUK) | Northern Consortium United Kingdom (NCUK) |
| 5 | 13 Julai 2009 | Lawatan Kerja Rasmi dari Suleyman Demiral University, Kazakhstan | Suleyman Demiral University, Kazakhstan |
| 6. | 22 Julai 2009 | Lawatan Kerja Rasmi dari University of Southern Queensland, Australia | University of Southern Queensland, Australia |
| 7. | 28 Julai 2009 | Lawatan Kerja Rasmi dari Western Michigan University, USA | Western Michigan University, USA |
| 8. | Ogos 2009 | Lawatan Kerja Rasmi dari AIT, Thailand | AIT Thailand |

## SEMINAR/PERSIDANGAN ANTARABANGSA ANJURAN UMP

Beberapa persidangan peringkat antarabangsa juga telah berjaya dianjurkan oleh fakulti-fakulti di UMP sepanjang tahun 2009. Salah satu daripada persidangan tersebut iaitu *The 8th Asian Academic Management (AAM). International Conference* adalah hasil anjuran bersama di antara Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

*Jadual 35: senarai Seminar Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2009*

| BIL. | SEMINAR | ANJURAN | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *International Conference on Software Engineering & Computer Systems. Theme - ICT and Industry: The Way Forward* | Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), UMP dan Kerajaan Negeri Pahang | 19 - 21 Oktober 2009 | Swiss Garden Resort & Spa, Kuantan |
| 2 | *Malaysian Natural Products International Seminar 2009 (MNPIS 2009)* | *Malaysian Natural Products Society* dan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) UMP | 23 - 24 November 2009 | Hotel M.S Garden, Kuantan |
| 3 | *The 8th Asian Academic Management (AAM) International Conference* | Universiti Sains Malaysia dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) UMP | 18 - 20 Disember 2009 | Hyatt Regency Kuantan Resort |




# Pengurusan Ilmu



# PENGURUSAN ILMU

Pada Januari 2009, Perpustakaan UMP mula beroperasi di bangunan baharu seluas 6,400 meter persegi yang mampu memuatkan sehingga 1,250 pengguna dalam satu masa. Bangunan perpustakaan dua tingkat ini dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur dan infostruktur yang canggih bagi memenuhi keperluan pengguna-pengguna perpustakaan. Antara lain, Perpustakaan UMP menyediakan pelbagai format koleksi yang terdiri daripada bahan *hard copy* dan juga *soft copy*. Terdapat bahan yang boleh diakses secara *virtual* bagi mencapai objektif capaian maklumat tanpa sempadan dan ruang lingkup.

Peruntukan yang diterima pada tahun 2009 adalah sebanyak RM4.5 juta. Dari jumlah tersebut, RM3 juta telah diperuntukkan untuk membeli buku dan bahan media. Manakala baki RM1.5 juta diperuntukkan bagi membeli jurnal bercetak, jurnal elektronik, buku elektronik, majalah dan pangkalan data.

Menjelang akhir tahun 2009, Jabatan Perpustakaan telah dapat membeli sebanyak 9,450 naskhah bahan-bahan baharu menjadikan jumlah keseluruhan koleksi Perpustakaan UMP sebanyak 43,347 naskhah buku dan 1,029 unit bahan media. Sebanyak 45 judul jurnal yang dilanggan dan 65 judul lagi merupakan bahan hadiah. Manakala majalah sebanyak 45 judul dilanggan dan lima judul lagi merupakan bahan hadiah.

Bagi bahan elektronik terdapat sebanyak lima buku elektronik, lima tajuk jurnal elektronik dan 10 pangkalan data. Ini tidak termasuk empat judul yang dilanggan di bawah peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi yang dikongsi bersama 20 buah universiti lain.

*Jadual 36: Bilangan Pengguna Perpustakaan Mengikut Kategori Sehingga Disember 2009*

| KATEGORI | BILANGAN |
|---|---|
| Pelajar Ijazah Pertama | 5,174 |
| Pelajar Ijazah Tinggi | 146 |
| Staf Akademik | 429 |
| Staf Pentadbiran | 397 |
| Staf & Pelajar Dibekukan* | 234 |
| Ahli Publik | 12 |
| **JUMLAH** | **6,393** |

**Staf & Pelajar Dibekukan: Merujuk kepada staf cuti belajar dan pelajar yang tangguh pengajian.*

*Jadual 37: Jumlah Kehadiran Pengunjung/Pengguna ke Perpustakaan UMP bagi Tahun 2009*

| KADAR PENGUNJUNG KE PERPUSTAKAAN UMP | BILANGAN |
|---|---|
| Jumlah hari dibuka | 290 hari |
| Pengunjung siang (8:30 pagi -7:00 petang) | 460,745 |
| Pengunjung malam (7:00 petang-10 malam) | 198,536 |
| Jumlah keseluruhan pengunjung | 659,281 |
| Purata harian | 2,274 |

## Kemudahan Untuk Pengguna



*Auditorium*



*Bilik Audiovisual*



*I-Portal Workstation*



*Bookdrop*



*Koleksi Media - DVD, VCD, CDROM, Kaset serta pita video. (Media Collection)*



*Ruang majalah (Serial area)*

## SISTEM RFID *(RADIO FREQUENCY IDENTIFICATION)*

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, pada tahun 2009, Perpustakaan UMP mula menggunakan Sistem RFID *(Radio Frequency Identification)* bagi memberi nilai tambah dalam perkhidmatan Perpustakaan. Proses instalasi dan pemasangan sistem ini bermula pada awal Januari 2009 dan pada 26 Jun 2009 Perpustakaan UMP mula menggunakan sepenuhnya peralatan RFID.

Tujuan utama pemasangan Sistem RFID adalah untuk meningkatkan proses perkhidmatan kaunter dan pengurusan rak ke tahap maksimum kerana teknologi RFID menawarkan lebih banyak kelebihan berbanding sistem barkod. Ditambah lagi, RFID membantu mempercepatkan proses peminjaman dengan menggunakan *selfcheck* dan memulangkan bahan dengan mudah menggunakan *bookdrop* seperti imej di bawah:



## PENGGUNAAN PANGKALAN DATA BAGI TAHUN 2009

*Jadual 38: Senarai Pangkalan Data Yang Paling Popular di UMP Pada Tahun 2009*

| TAHAP POPULARITI | PANGKALAN DATA | JUMLAH AKSESAN |
|---|---|---|
| 1 | *Science Direct* | 68,644 |
| 2 | *IEEExplore* | 15,710 |
| 3 | *Ebrary (e-Book)* | 21,818 |
| 4 | *Springerlink* | 15,191 |
| 5 | *Scopus* | 8,138 |
| 6 | *Association of Computing Machinery (ACM)* | 8,900 |
| 7 | *Emerald Management Xtra* | 3,005 |
| 8 | *American Chemical Society (ACS)* | 3,695 |
| 9 | *American Society of Civil Engineering (ASCE)* | 2,225 |
| 10 | *BLIS (BERNAMA)* | 1,930 |

*Carta 18: Statistik Penggunaan Pangkalan Data Popular Pada Tahun 2009*



## PROGRAM PEMBANGUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN

**MyULIS *(Malaysian Union List of Serials)***
Buat julung kalinya Bengkel MyULIS yang dinamakan Bengkel Pemantapan MyULIS 2009 telah diadakan di Perpustakaan UMP pada 16 April 2009. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Prof. Dr. Sabarudin Bin Mohd. dan dihadiri oleh seramai 43 peserta daripada semua IPTA dan beberapa peserta dari IPTS dan agensi kerajaan yang menjadi ahli PERPUN.

Antara objektif bengkel ini diadakan adalah:

- Memberi pendedahan dan pengenalan kepada Pustakawan Terbitan Bersiri dan Pegawai Sistem daripada semua universiti mengenai Pangkalan Data MyULIS;
- Mendedahkan para Pustakawan dan Pegawai Sistem Maklumat tentang kepentingan dan komitmen mereka di dalam menjayakan pembangunan pangkalan data ini.
- Merapatkan hubungan di antara UMP dan universiti-universiti lain dalam membantu menyediakan hubungan yang baik dan berkesan kepada seluruh IPTA/IPTS; dan
- Mewujudkan perkongsian bahan dan maklumat yang lebih berkesan di kalangan ahli Jawatankuasa Pangkalan Data Komersial (JKPDK).



*Mesyuarat JKPDK Bil.1/2009 , Bilik Mesyuarat Perpustakaan pada 16 April 2009*



*Bengkel Pemantapan MyULIS 2009 yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Dr. Sabarudin bin Mohd pada 16 April 2009*




THERMODYNAMICS
OF MATERIALS

## ANTARA AKTIVITI PERPUSTAKAAN BAGI TAHUN 2009

### Penyertaan Kumpulan Kreatif & Inovatif ke Pertandingan KIK Peringkat UMP dan Peringkat IPTA Kali Ke-6

Kumpulan KIK Perpustakaan yang diberi nama e-LIB, ditubuhkan pada 25 Mei, 2009 telah berjaya menjadi juara dalam Pertandingan KIK Peringkat UMP yang diadakan pada 28 Oktober 2009. Seterusnya e-LIB telah terpilih untuk mewakili UMP bagi Pertandingan KIK Peringkat IPTA Kali ke-6 pada bulan Februari 2010. Melalui pertandingan ini, kempulan e-LIB telah berjaya menyandang Anugerah Persembahan Terbaik. Inovasi yang dibentangkan oleh Kumpulan e-LIB bertajuk 'Bookdrop Yang Gagal Proses Pemulangan Buku Ringan'. Hasil inovasi yang disertai oleh enam orang peserta ini telah berjaya menyelesaikan masalah pengesanan buku ringan di mesin bookdrop sekali gus dapat menjimatkan nilai wang Jabatan Perpustakaan sebanyak RM25,000.




*Kumpulan e-LIB berjaya menjadi juara pada Pertandingan KIK Peringkat UMP pada 28 Oktober 2009 dan menerima cek benilai RM3,000 dan sijil penyertaan.*

---

### Bengkel Carta Organisasi Perpustakaan

Bengkel ini diadakan selama 2 hari 1 malam di Hotel Legend, Cherating pada 6 dan 7 November, 2009. Ia dihadiri oleh seramai 18 orang staf yang terdiri dari semua pustakawan, penolong pegawai perpustakaan dan pembantu perpustakaan kanan.

Ia diadakan bagi menyusun semula secara strategik fungsi Carta Organsasi Perpustakaan sejajar dengan kenaikan pangkat staf perpustakaan ke jawatan Timbalan Ketua Pustakawan dan Pustakawan Kanan.

Ia juga adalah sebagai peringatan semula kepada semua staf tentang tanggungjawab dan peranan setiap bahagian dan unit di perpustakaan dan hubung-kaitnya antara satu dengan yang lain dalam meningkatkan perkhidmatan dan pembangunan perpustakaan ke arah mencapai visi dan misi universiti.



*Perbincangan Mewujudkan Carta Organisasi bagi Tahun 2010 sedang dijalankan.*



*Peserta sedang mendengar arahan  dari fasilitator sebelum memulakan aktiviti.*

**Bengkel Pembangunan dan Pemantapan Staf ke Arah Kecemerlangan  Organisasi**

Bengkel ini diadakan di Hotel Grand Continental, Kuala Lumpur, pada 11 hingga 13 Disember, 2009. Tujuannya adalah bagi menambahbaik secara berterusan perkhidmatan perpustakaan dan sebagai usaha mengoptimumkan tahap pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan.

Melalui bengkel ini, staf telah diberi pelbagai input bagi peningkatan kualiti diri mereka, antaranya:

- Membina kesedaran bekerja untuk memajukan potensi diri *(self transformation),* bekerja sebagai satu pasukan disamping menilai sumbangan sebagai warga  sebuah organisasi;
- Memupuk semangat berpasukan di kalangan staf bagi mewujudkan suasana dan budaya kerja yang cemerlang.
- Menanamkan sikap kerjasama dalam melaksanakan tugas agar dapat meningkatkan mutu perkhidmatan di Perpustakaan; dan
- Menimbulkan kesedaran di kalangan kakitangan bahawa bekerja itu merupakan satu  ibadah dan sudah pastinya diberi nilai yang tinggi di sisi Allah.

Bengkel ini telah berjaya mencapai objektifnya dan hasilnya staf perpustakaan telah menunjukkan peningkatan kualiti kerja dan perhubungan antara mereka.


PERPUSTAKAAN




# Pembangunan Fizikal Kampus



# PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS

## PEMBANGUNAN KAMPUS UMP GAMBANG

Kampus UMP Gambang terletak di Gambang, Kuantan Pahang. Pada tahun 2009, pelbagai projek pembangunan dan pengubahsuaian telah dibangunkan di Kampus UMP Gambang. Ini bertujuan bagi memastikan kelancaran dalam pengajaran dan pembelajaran serta mewujudkan suasana yang kondusif kepada warga kampus. Bagi tahun 2009, kos keseluruhan yang terlibat dalam kerja-kerja pengubahsuaian adalah dianggarkan berjumlah RM 5.32 juta manakala kos keseluruhan bagi kerja-kerja penyelenggaraan adalah berjumlah RM 303,702 bagi Kampus UMP, Pekan dan Kampus UMP, Gambang.



PELAN INDUK
Universiti Malaysia Pahang,
Kampus Gambang.
Universiti Malaysia PAHANG
KKP 2
CANCELERI
PINTU MASUK UTAMA
PERPUSTAKAAN
PUSAT KO-KURIKULUM
BANGUNAN KPU
MAKMAL FAKULTI
KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI
PUSAT KESIHATAN PELAJAR
BLOK W
MAKMAL FKASA
KEDIAMAN STAF
BLOK Z
BLOK Y
BLOK X
PUSAT KHIDMAT SERANTA
ASTAKA
KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR 2
MASJID
KOMPLEKS PERKHIDMATAN SISWA

# GAMBAR-GAMBAR PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENGUBAHSUAIAN KAMPUS UMP GAMBANG




*Pengubahsuaian Kafeteria Pelajar di Blok Z kepada Makmal Fakulti Sains Komputer & Kejuruteraan Perisian*



*Pembinaan Tempat Duduk dan Stor Peralatan di Belakang Kompleks Sukan Universiti*



*Menaik taraf ruang dalaman dan lantai Kompleks Sukan Universiti*



*Pengubahsuaian Ruang Lobi di JPPH dan FSKKP*



*Pengubahsuaian Ruang di Jabatan Penyelidikan & Inovasi (Anjung Utara)*



*Pengubahsuaian Ruang Lobi di Kompleks Sukan Universiti*



*Kerja-kerja membina dan menyiapkan ruang Amphiteater di hadapan bangunan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa*

## PEMBANGUNAN KAMPUS UMP PEKAN

Pada 2002, pihak kerajaan telah menganugerahkan sebidang tanah seluas 642 ekar di Kuala Pahang, Pekan bagi membangunkan Kampus Induk UMP. Cadangan pembangunan UMP dilaksanakan dalam beberapa fasa. Fasa 1A yang terdiri daripada dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik yang telah siap pada bulan Julai 2009. Manakala Fasa 1B yang terdiri daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Perpustakaan dan Kolej Kediaman Pelajar.



## GAMBAR-GAMBAR PEMBANGUNAN KAMPUS UMP PEKAN

### Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Bangunan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) mengandungi sebuah Blok Pentadbiran dengan 1 unit dewan kuliah yang boleh menampung kapasiti 300 orang pelajar. Selain itu, terdapat juga sebuah Blok Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) yang mengandungi enam unit bilik kuliah yang berkapasiti 40 orang dan empat Blok Makmal Pengajaran yang mempunyai 25 makmal pelbagai jenis. Bangunan fakulti ini mempunyai keluasan lantai 22,000 $m^2$.













## Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang mengandungi 1 Blok Pentadbiran dengan tiga unit dewan kuliah dengan kapasiti 100 orang pelajar, 1 Blok Pembelajaran & Pengajaran (P&P) dengan enam unit bilik kuliah yang berkapasiti 40 orang dan tiga Blok Makmal Pengajaran yang mempunyai 25 makmal pelbagai jenis. Fakulti ini mempunyai keluasan lantai 23,100 $m^2$.

# GAMBAR-GAMBAR PEMBANGUNAN KAMPUS UMP PEKAN

## Perpustakaan

Bangunan Perpustakaan yang mempunyai empat aras tingkat yang dilengkapi dengan bahagian pentadbiran, auditorium, bilik-bilik seminar dan ruang bacaan yang boleh menampung 600,000 buah buku untuk 3200 pelajar pada satu-satu masa. Keluasan lantai yang diperuntukan adalah sebanyak 16,000 m$^2$ dan akan mempunyai 12 unit jabatan yang akan memberi perkhidmatan kepada pelajar.













## Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan terdiri daripada 1 Blok Pentadbiran, dua Blok bilik pensyarah, satu blok dewan kuliah dan bilik kuliah. Keluasan lantai Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang telah dilluluskan adalah sebanyak 15,074 $m^2$. Pelaksanaan projek ini dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dengan kos sebanyak RM 100 juta. Tarikh milik tapak adalah pada 24 Ogos 2009 dan dijangka siap pada 23 Ogos 2011.

## Kolej Kediaman Pelajar

### Kediaman Pelajar 648 orang

Kolej Kediaman Pelajar ini dijangka dapat menampung seramai 648 orang pelajar dengan kemudahan yang disediakan adalah sebanyak 326 bilik dengan kapasiti dua pelajar sebilik serta kemudahan sokongan yang lain seperti pejabat pengurusan asrama dan kafetaria. Asrama pelajar ini terdiri tiga blok dengan empat aras tingkat bagi setiap blok asrama dan kemudahan surau dan dua buah rumah felo. Projek ini dilaksanakan oleh Kejuruteraan Cempera Jaya Sdn. Bhd. (KCJSB) dengan kos sebanyak  RM 19,86 juta. Tarikh milik tapak bermula pada 15/12/2008 dan projek ini dijadualkan siap pada 23 Mei 2010.











**Kediaman Pelajar 1400 orang**

Kolej Kediaman Pelajar dijangka dapat menampung sebanyak 1,400 orang pelajar dengan kemudahan yang disediakan adalah sebanyak 700 bilik dengan kapasiti dua pelajar sebilik serta kemudahan sokongan yang lain seperti pejabat pengurusan asrama, kafetaria, enam buah rumah felo dan pusat pelajar. Kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek ini adalah Bahari Nor (M) Construction Sdn. Bhd. dengan kos projek sebanyak RM 53,74 juta. Tarikh milik tapak adalah pada 24 Oktober 2009 dan dijangka siap pada 19 April 2011.


Universiti Malaysia PAHANG
LALUAN UTAMA FKE
FKE MAIN DIRECTORY
G




# Pembangunan & Aktiviti Pelajar


UNIVERSITI
MALAYSIA
PAHANG

# PEMBANGUNAN & AKTIVITI PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) bertanggungjawab menguruskan kebajikan dan pembangunan pelajar secara holistik melalui penyediaan perkhidmatan dan kemudahan sokongan pelajar yang kondusif serta pengurusan pelbagai aktiviti ke arah mewujudkan pengalaman kehidupan kampus yang menyeluruh. Jabatan ini juga menguruskan jaringan perhubungan di antara universiti dan alumninya.

## KEMUDAHAN FIZIKAL & KEBAJIKAN

Bagi memastikan para pelajar dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dalam suasana persekitaran kampus yang lengkap dan selesa, JHEPA sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan fizikal dan perkhidmatan kebajikan yang disediakan di UMP.

## PENINGKATAN KEMUDAHAN PELAJAR 2009



*Ruang Rehat*



*Bilik Komputer*



*Bilik Tayangan*

Sebanyak 14 ruang rehat diwujudkan di setiap blok Kolej Kediaman Pelajar 1 dan Kolej Kediaman Pelajar 3. Selain itu, pihak jabatan dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi memperuntukan 30 unit komputer untuk kegunaan pelajar di Kolej Kediaman Pelajar 1, Kolej Kediaman Pelajar 2 dan Kolej Kediaman Pelajar 3 dengan agihan 10 unit komputer setiap kolej. Keperluan ini bertujuan membantu proses pembelajaran pelajar yang tidak mempunyai komputer sendiri terutama pelajar yang baharu mendaftar di UMP. Dalam pada itu, lapan lokasi menonton dilengkapi Astro telah diwujudkan di semua Kolej Kediaman Pelajar Kampus Gambang demi keselesaan pelajar.

*Carta 19: Kapasiti Kediaman Pelajar Dalam Kampus Pada Tahun 2009*




Kolej Kediaman Pelajar telah bertambah dengan pembukaan kolej baharu di Kampus Gambang pada Julai 2009 menjadikan empat buah kolej kesemuanya dengan jumlah kapasiti 6239 pelajar. Pada tahun 2009, Kolej Kediaman Pelajar 2 dan Kolej Kediaman Pelajar 3 turut menempatkan pelajar baharu selain pelajar kanan dari pelbagai fakulti.

*Carta 20: Bilangan Pelajar Yang Memohon Pinjaman Jangka Pendek Pada Tahun 2007, 2008 dan 2009*




| | Jan | Feb | Mar | Apr | May | Jun | Jul | Aug | Sep | Oct | Nov | Dec |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | 7 | 6 | 50 | 40 | 8 | 0 | 23 | 28 | 59 | 30 | 13 | 0 |
| 2008 | 17 | 23 | 22 | 28 | 15 | 2 | 36 | 39 | 11 | 3 | 2 | 0 |
| 2009 | 4 | 10 | 26 | 11 | 6 | 0 | 2 | 11 | 6 | 27 | 13 | 2 |

## Perkhidmatan Kebajikan Pelajar & Pembiayaan

Di samping menguruskan penajaan pelajar di UMP, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni juga menyediakan perkhidmatan seperti Pinjaman Tabung Jangka Pendek, Skim Khairat Kematian, Skim Pelajar Bekerja, Bantuan Tabung Amanah Zakat dan perlindungan insuran.

*Carta 21: Jumlah Bayaran Pinjaman Jangka Pendek Pada Tahun 2007, 2008 dan 2009*




| | Jan | Feb | Mar | Apr | May | Jun | Jul | Aug | Sep | Oct | Nov | Dec |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | 3,500 | 2,800 | 22,550 | 16,950 | 3,550 | - | 11,200 | 13,400 | 26,900 | 13,100 | 5,800 | - |
| 2008 | 8,500 | 11,100 | 9,800 | 11,800 | 6,500 | 1,000 | 17,200 | 17,800 | 5,000 | 1,100 | 800 | - |
| 2009 | 2,000 | 4,600 | 12,700 | 5,000 | 2,400 | - | 1,000 | 4,900 | 2,700 | 12,400 | 5,400 | 800 |

Pada tahun 2009, seramai 118 orang pelajar memohon Pinjaman Tabung Jangka Pendek yang berjumlah RM53,900.00, seramai 198 orang pemohon pada tahun 2008 dengan jumlah pinjaman sebanyak RM90,600 manakala bagi tahun 2007, seramai 264 orang pemohon yang berjumlah RM119,750.00.

*Jadual 39: Jumlah Pelajar Bekerja dan Bayaran Tuntutan Bagi Tahun 2009*

| BULAN | JUMLAH BAYARAN (RM) | JUMLAH PELAJAR BEKERJA |
|---|---|---|
| Januari | 1,106.50 | 17 |
| Februari | 3,500.00 | 19 |
| Mac | 3,039.00 | 35 |
| April | 5,361.40 | 30 |
| Mei | 6,272.99 | 89 |
| Jun | 34,247.98 | 88 |
| Julai | 49,384.70 | 86 |
| Ogos | 14,168.45 | 35 |
| September | 5,327.20 | 14 |
| Oktober | 2,022.50 | 9 |
| November | 0.00 | 0 |
| Disember | 0.00 | 0 |
| **JUMLAH** | **124,430.72** | **422** |




Jumlah pelajar yang menerima bantuan Skim Khairat Kematian bagi tahun 2009 ialah seramai 48 orang dengan jumlah bantuan yang telah dikeluarkan daripada Tabung Amanah Kebajikan Pelajar sebanyak RM16,800.00.

*Jadual 38: Jumlah Pelajar Membuat Tuntutan Khairat Kematian Ibu Bapa Tahun 2009*

| BULAN | BILANGAN PELAJAR | JUMLAH BAYARAN (RM) |
|---|---|---|
| Januari | 6 | 2,100.00 |
| Februari | 5 | 1,750.00 |
| Mac | 2 | 700.00 |
| April | 0 | 0 |
| Mei | 1 | 350.00 |
| Jun | 1 | 350.00 |
| Julai | 6 | 2,100.00 |
| Ogos | 3 | 1,050.00 |
| September | 5 | 1,750.00 |
| Oktober | 10 | 3,500.00 |
| November | 5 | 1,750.00 |
| Disember | 4 | 1,400.00 |
| **JUMLAH** | **48** | **16,800.00** |

## Pembangunan Pelajar

Bahagian Pembangunan Pelajar merupakan bahagian yang menguruskan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh badan-badan pelajar. Sebanyak 316 aktiviti telah dianjurkan merangkumi program-program berbentuk seperti Kepimpinan dan Latihan, Sukan dan Rekreasi, Debat, Kerohanian, Keusahawanan, Khidmat Masyarakat, Program Akademik, Lawatan dan lain-lain.

## Program Latihan dan Kepimpinan

Sebanyak 21 program latihan telah dijalankan dan di antaranya ialah Kursus Latihan Fasilitator Minggu Induksi Siswa (ProMINDS), Kursus Pengurusan Organisasi, Kursus Pemantapan, Bengkel Kepemimpinan Bestari (ELIT) dan lain-lain.





*Bengkel Kepemimpinan Bestari (ELIT)*

## Program Kesenian & Kebudayaan

Kumpulan Kencana Pawana UMP telah memenangi pingat perak untuk kategori kareografer di dalam acara tarian Zapin yang dipertandingkan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Tiga acara tarian telah dipertandingkan iaitu Tarian Zapin, Tarian Klasik India dan Tarian Tradisional Cina. UMP telah menghantar semua penyertaan dalam kesemua acara dan berjaya menduduki tempat ke-4 daripada 11 penyertaan dalam acara Tarian Klasik India kategori solo.





*Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia pada 9-13 Disember 2009*



## Debat

Pencapaian para pendebat UMP bagi tahun 2009 amat membanggakan apabila mereka berjaya merangkul juara kali ke-4 berturut-turut bagi kategori bahasa Inggeris pada Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin (PDSZA) Ke-9. Naib Johan juga turut dimenangi oleh pasukan debat bahasa Inggeris UMP apabila kedua-dua pasukan debat bahasa Inggeris UMP telah berjaya ke peringkat akhir. Selain itu, Pasukan Debat bahasa Arab juga berjaya menempah nama sebagai johan dan anugerah pendebat terbaik keseluruhan di Pertandingan Debat Piala Diraja Antara Institusi Pengajian Tinggi Malaysia Tahun 2009.




*Para Pendebat UMP (Kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)*




*Para Pendebat UMP Kategori Bahasa Arab*



## Lawatan Antarabangsa

Bagi menggalakkan pelajar mendapat pendedahan di peringkat antarabangsa dan meluaskan pandangan serta memperkayakan pengalaman mereka, beberapa program lawatan antarabangsa telah dilaksanakan pada tahun 2009. Program-program tersebut termasuklan *Student Representative Council - Indonesia International Visit 2009,* Sinar Bersamu Acheh, Lawatan Kerja & Keusahawanan Ke Universitas Syiah Kuala,Banda Acheh, Lawatan Antarabangsa ke Thailand, Mesir, India dan Singapura.




*Program Lawatan Antarabangsa ke Mesir*



*Peserta bergambar di hadapan Taj Mahal*




*Untuk pertandingan Catur Bistari peringkat Negeri Pahang, pasukan UMP berjaya mendapat Johan bagi Kategori Nilai Aset Tertinggi dan Kumpulan Pertama ke laluan Jihad Bisnes.*

## Program Keusahawanan

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 21 aktviti termasuk tiga pertandingan Catur Bistari telah dijalankan bagi menggalakkan pembangunan keusahawanan pelajar. Di antara program yang telah dijalankan adalah Konvensyen dan Keusahawanan Siswa, Seminar Motivasi Keusahawanan, Kursus Asas Keusahawanan, Bengkel Latihan Kontraktor dan lain-lain.



## Khidmat Masyarakat

Khidmat kemasyarakat dan kesukarelawanan amat digalakkan dalam penganjuran aktiviti pelajar di UMP. Beberapa program berbentuk khidmat masyarakat telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009. Beberapa program besar telah dianjurkan oleh para pelajar sendiri seperti program Bakti Siswa Tanjung Gahai dan Kampung Keledek di Kuala Lipis, Bakti Siswa Temerloh, Kem Jelajah Ilmu di Sekolah Kebangsaan Kempadang, Semaian Kasih di Sekolah Kebangsaan Tasik Chini. Di antara pengisian program tersebut termasuklah motivasi kepada para pelajar sekolah, forum perdana, senamrobik, gotong-royong memasak bersama orang kampung, sukan rakyat, hiasan landskap dan persembahan kebudayaan.

*Jadual 39: Senarai Program Kemasyarakatan Sepanjang Tahun 2009*

| BIL | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENGLIBATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bakti Siswa Temerloh'09 | 7 – 10 Mei 2009 | Kulim Lipat Kajang, Temerloh | Kelab Kebudayaan dan Kesenian dan Kelab Perpaduan |
| 2. | Projek Semaian Kasih (PSK) Siri II | 11 – 13 Mei 2009 | Tasik Chini | Persatuan *InSmartive* |
| 3. | Khidmat komuniti Perdana Minds | 4 Julai 2009 | Felda Lepar Hilir 1 hingga 4 | Pelajar Tahun Satu sesi 2009/2010 |
| 4. | Baktisiswa Kampung Tanjung Gahai | 17 – 20 Julai 2009 | Kampung Tanjung Gahai, Kuala Lipis | Persatuan Rakan Sebaya dan Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli |
| 5. | Program Bakti Siswa KPT 2009 | 23 – 26 Disember 2009 | Kampung Keledek dan Kampung Sungai Ular, Kuala Lipis | Pelajar SUKSIS |








*Projek Semaian Kasih (PSK) Siri II*












## Majlis Perwakilan Pelajar

Seramai 15 orang Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah dipilih oleh mahasiswa UMP melalui pilihan raya kampus yang diadakan pada 16 Oktober 2008. Selaras dengan hasrat untuk memperkasakan kepimpinan siswa, buat pertama kalinya pihak pengurusan UMP telah memberi tanggungjawab kepada MPP untuk melaksanakan dua program utama universiti iaitu Minggu Induksi Siswa (MINDS 2009) dan ExpoConvo 2009.

## Pusat Kokurikulum

Pusat ini berperanan untuk menyelaraskan kursus berkredit kokurikulum, mengurus, dan melaksanakan aktiviti, menguruskan peralatan kokurikulum, menilai kursus kokurikulum dan merancang serta merangka pengkreditan kursus-kursus baharu kokurikulum. Sebanyak 17 kursus telah pun ditawarkan kepada pelajar iaitu kursus Briged Siswa, SUKSIS I & II, Kompang, Nasyid, Kaunselor Siswa, Iqra', Kayak, Trekking, Silat Olah Raga, Bola Sepak, Hoki, Bola Baling, Kriket, *Archery, Fitness* dan *Mountan Bike.*

Sepanjang tahun 2009, Pusat Kokurikulum telah menjalankan sebanyak 15 aktiviti kokurikulum. Antaranya seperti di dalam Jadual 42 berikut.

*Jadual 42: Senarai Aktiviti Kokurikulum Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2009*

| BIL | PROGRAM | TARIKH | BIL. PESERTA | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Remaja Inabah 1 Malaysia | 20 – 22 Mac 2009 | 40 orang | Pondok Remaja Inabah Kuala Nerang, Kedah |
| 2. | Kerja Luar Trekking | 20 – 22 Mac 2009 | 79 orang | Tekam Plantation, Jerantut |
| 3. | Bengkel Penerbitan | 29 Mac 2009 | 40 orang | Blok W, UMP |
| 4. | Perlawanan Bola Sepak Dengan Pasukan KoQ UTHM | 5 April 2009 | 38 orang | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Johor |
| 5. | Temuduga Pengambilan Anggota Baharu KOR Suksis '09 | 8 – 12 Julai 2009 | 40 orang | Ruang Legar, Pusat Kokurikulum |
| 6. | Temu Duga Pengambilan Kedua Anggota Baru KOR Suksis '09 | 22 – 24 Julai 2009 | 30 orang | Ruang Legar, Pusat Kokurikulum |
| 7. | Kem Motivasi Pelajar | 9 – 11 Oktober 2009 | 33 orang | Sek. Keb. Serandu, Pekan |
| 8. | *Six Side* (Terbuka UMP) | 10 Oktober 2009 | 64 orang | Perkarangan padang Kolej Kediaman 2, UMP |
| 9. | Kursus Etika dan Pengurusan Integriti | 23 – 26 November 2009 | 80 orang | Dewan Kuliah Utama, Blok W, UMP |
| 10. | Menghayati Alam Semula Jadi | 9 – 11 0ktober 2009 | 64 orang | Pusat Kecemerlangan Insan YPJ, Mersing |
| 11. | Senamrobik Warga UMP | 11 Oktober 2009 | 300 orang | Dataran Mekanikal, UMP |
| 12. | *Free Style Combat Tournament* (FESCOT) | 10 Oktober 2009 | 120 orang | Perkarangan Kolej Kediaman 3, UMP |
| 13. | Latihan Tembak Tahunan KOR Suksis 2009 | 25 Oktober 2009 | 122 orang | Lapang Sasar Briged Tenggara, Pasukan Gerakan Am, Kem Bukit Galing, Kuantan |
| 14. | Kursus Induksi | 10 Oktober 2009 | 150 orang | Astaka, UMP |
| 15. | Mini Karnival Keluarga Bukit Fraser 2009 | 13- 15 November 2009 | 200 orang | Bukit Fraser, Raub Pahang |





Pertandingan paint ball dan memanah yang telah diadakan sempena Program Mini Karnival Keluarga Bukit Fraser 2009.



Pelajar Kor SUKSIS sedang menjalani Latihan Menembak



Peserta perkhemahan Briged Siswa sedang membersihkan ayam yang baharu disembelih

Program Mini Karnival Keluarga Bukit Fraser 2009, merupakan aktiviti yang memberi impak yang amat besar kepada UMP, khususnya Pusat Kokurikulum. Program ini merupakan kerjasama di antara Pusat Kokurikulum dengan *Tourism Pahang*. Acara yang dipertandingkan di karnival adalah seperti pertandingan memanah, berbasikal, pertandingan mewarna dan pertandingan *paint ba*ll. Dengan adanya acara-acara ini, secara tidak langsung pihak Pusat Kokurikulum dapat mempromosikan UMP kepada para pengunjung juga mempromosikan Negeri Pahang khususnya Bukit Fraser sebagai salah satu destinasi percutian.

## Kaunseling & Kerjaya

**1UMP dilantik Sekretariat MAKUMA 2009/2010**
Pada 5 Mac 2009 UMP telah dilantik untuk memegang/memikul amanah sebagai Sekretariat MAKUMA selama 2 tahun bermula 2009 sehingga Disember 2010.

**PERSIS menjadi mentor@ pembimbing kepada siswa/i UMP**
PERSIS Siri 1/2009 telah diadakan pada 20 hingga 22 Februari 2009 bertempat di Amberstone Ulu Yam. Program diadakan adalah untuk mencungkil bakat pelajar menjadi mentor atau pembimbing. 43 orang pelajar telah menjadi peserta untuk pengambilan pertama ahli PERSIS. Mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun pertama yang merupakan penggerak bagi membantu Unit Kaunseling & Kerjaya JHEPA.

***Booth* khidmat kaunseling sempena Karnival Pengajian Tinggi Nasional 2009**
Program Jom Masuk 'U' pada 28 Februari hingga 1 Mac 2009, Unit Kaunseling JHEPA telah diberi peluang untuk memberikan khidmat kaunseling kerjaya dengan menggunakan Ujian Minat Kerjaya Holland (SDS). Seramai kira-kira 1,000 orang pelajar sekolah menengah sekitar Kuantan telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling kerjaya yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi UMP.

**Program Nadwah Remaja/ Kembara Ilmu 2009**
Pada 6 hingga 8 Mac 2009 seramai 25 orang pelajar UMP telah terlibat untuk merealisasikan visi Sekolah Menengah Bandar Maharani Muar Johor menjadi antara lima Sekolah terbaik di daerah Muar. Program yang disasarkan untuk pelajar tingkatan tiga dan lima itu melibatkan seramai 120 orang pelajar dan turut dibantu oleh Pegawai Psikologi UMP serta Kaunselor Pelatih UMT dalam memberikan ceramah kepada para pelajar.

**Pengerusi baharu Sekretariat MAKUMA**
Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin telah menggantikan Prof. Dr. Abdul Jalil Borham yang telah tamat kontrak sebagai Dekan JHEPA pada 17 September 2009.







**Persis Siri 2**
Perkongsian ilmu melalui lawatan sambil belajar ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan UTHM pada 18 November 2009. Ahli PERSIS UMP begitu teruja dan bersemangat untuk menaikkan lagi nama PERSIS di UMP. Program kali ini diteruskan dengan program yang dijalankan oleh pihak konsultan luar iaitu Airborne Sdn. Bhd. yang melatih mereka tentang kemahiran menolong dan perkongsian modul kerohanian agar lebih berusaha menaikkan nama PERSIS dan menjadikannya tersohor.












*PERSIS Siri 2*

## SUKAN DAN REKRESI

Pusat Sukan pada peringkat awal penubuhannya pada Ogos 2002 dikenali sebagai Unit Sukan & Rekreasi dan bertanggungjawab kepada Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA). Namun begitu, pada Januari 2009 unit ini telah berkembang menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan dikenali sebagai Pusat Sukan (PSU) berasaskan cadangan Jawatankuasa Pemurnian Carta Organisasi. Cadangan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bilangan 7/2008.

Dalam usaha melahirkan modal insan pelajar UMP yang berdaya saing dan interlektual, pembangunan fizikal melalui aktiviti sukan juga amat perlu dalam situasi cabaran kerja yang mencabar dalam masa kini. Ketahanan mental, fizikal dan daya saing amat diperlukan dalam diri seseorang, sifat-sifat ini sedikit sebanyak boleh diambil dalam aktiviti sukan yang dijalankan secara terancang dan sistematik. Sehubungan itu, Kemudahan Sukan adalah merupakan sebahagian dari keperluan utama warga kampus untuk menjalani aktiviti bercorak kecergasan dan pembudayaan gaya hidup sihat.

Bagi memastikan setiap aktiviti dan program sukan dapat dilaksanakan dengan jayanya, Kompleks Sukan Universiti menawarkan beberapa kemudahan sukan kepada warga UMP untuk menjalani aktiviti sukan dan kecergasan.










## PENGANJURAN DALAMAN

**Anugerah Sukan MASUM 2008**
UMP telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Majlis Anugerah Sukan MASUM 2008 dengan kerjasama MASUM yang telah dilangsungkan dengan jayanya pada 4 April 2009 bertempat di Hotel M.S Garden, Kuantan Pahang. Majlis yang dihadiri lebih kurang 400 orang tetamu ini telah disempurnakan oleh wakil Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang iaitu Yang Berhormat Dato' Muhammad Safian bin Ismail, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Majlis telah diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan dari pelajar-pelajar UMP.

**Karnival Bola Jaring UMP-MILO 2009**
Karnival Bola Jaring UMP-MILO 2009 anjuran Pusat Sukan UMP telah berlangsung dengan jayanya pada 21 hingga 22 November 2009 bertempat di Kompleks Sukan Universiti. Karnival ini julung-julung kali dianjurkan oleh Pusat Sukan ini menawarkan hadiah kemenangan keseluruhan wang tunai sebanyak RM 5,000.00 yang telah mempertandingkan dua kategori iaitu Kategori IPT dan Kategori Terbuka. Majlis perasmian diserikan dengan kehadiran YBhg. Dr. Saharudin bin Hj. Ismail, Setiausaha Bahagian Sukan KPT yang turut merasmikan karnival ini. Sebanyak 25 pasukan telah mengambil bahagian dan kemenangan diungguli oleh pasukan UiTM Cawangan Jengka bagi kategori IPT dan pasukan daripada Petronas bagi Kategori Terbuka.

**Kejohanan Satu Malaysia KOSMO! Varsiti Futsal 2009**
Pusat Sukan Universiti telah menganjurkan *Kejohanan SATU MALAYSIA KOSMO! VARSITI FUTSAL 2009* telah berlangsung di Arena Ria Futsal Indera Mahkota pada 25 Julai 2009. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Yang Berbahagia Prof. Dr. Rosli bin Mohd Yunus. Penganjur utama kejohanan ini ialah Kementerian Pengajian Tinggi bersama akhbar KOSMO! dan Digi. Sebanyak empat kategori telah dipertandingkan iaitu kategori bawah 21 tahun, kategori bawah 23 tahun, terbuka lelaki dan juga terbuka wanita. Jumlah penyertaan mencapai sehingga 44 buah pasukan termasuklah penyertaan dari pelajar antarabangsa.

**Konvoi Berbasikal Merdeka 2009**
Konvoi Berbasikal Merdeka UMP 2009 telah berlangsung dengan jayanya pada 19 Ogos 2009 yang diadakan semena sambutan bulan kemerdekaan peringkat Universiti. Seramai 40 orang kakitangan telah mengambil bahagian dalam konvoi ini yang bermula seawal jam 8.00 pagi. Perjalanan konvoi ini bermula dari Pantai Sepat Kuantan ke Kampus Tetap UMP Pekan melalui kampung. Ubai adalah sejauh 30 km. Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar UMP dengan kerjasama PTJ-PTJ dan pihak Pusat Sukan Universiti yang menyediakan kepakaran dari segi teknikal.

## PENGANJURAN MASUM

### Kejohanan Sukan MASUM FASA I dan FASA II

Kejohanan Sukan MASUM Fasa 1 dan Fasa II telah berlangsung pada 15 hingga 27 Mei 2009 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok Kedah. UMP telah menghantar seramai 300 orang atlit yang mengambil bahagian dalam 22 acara sukan. Kejohanan sukan MASUM 2009 telah berakhir dengan pencapaian UMP meraih enam pingat iaitu satu emas dan lima gangsa yang disumbangkan oleh atlet acara Pencak Silat dan Karate-Do. Ini merupakan pencapaian paling terbaik sepanjang penyertaan UMP ke Kejohanan Sukan MASUM. Peningkatan pencapaian ini adalah di atas komitmen serta semangat juang yang tinggi telah ditunjukkan oleh para atlet ketika bertanding.

### Kejohanan Sukan MASUM Rowing-Kayak

Kejohanan Sukan MASUM Rowing – Kayak 2009 telah diadakan pada 25 hingga 30 Mei 2009 yang bertempat di Kompleks Sukan Air, Putrajaya. Karnival ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan dikelolakan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Persatuan Mendayung Malaysia. Pasukan UMP berjaya memperoleh tempat ke-4 dalam kategori lelaki MK 1 (500M) iaitu Mohd Aliff bin Mohd Radzi manakala kategori wanita WTK 2 (500M) oleh Myrza Fasha binti Md Hamyrudin dan Nor Azni binti Abdul Latif.

## PENGANJURAN JEMPUTAN

### Kejohanan Pencak Silat Terbuka UKM

Pada 24 hingga 27 Jan 2009, UMP seramai 20 orang atlet Pencak Silat telah menyertai kejohanan Pencak Silat Terbuka Universiti Kebangsaan Malaysia (Taming Sari) 2009. Kejohanan ini telah berlangsung di Dewan Canseleri Tun Abd.Razak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sepanjang kejohanan ini, pasukan Pencak Silat UMP telah memberi saingan sengit dan hasilnya berjaya memperoleh pingat gangsa kelas C Putera oleh Mohd Eddy Herman bin Fauzi, kelas H Putera pingat gangsa oleh Mohd Ayub bin Adnan, kelas I Putera pingat gangsa oleh Mohd Taufik bin Mohd Tahir. Manakala bagi wanita kelas E Puteri pingat gangsa oleh Nurain bin Abdul Wahab, dan kelas E Puteri pingat perak Ayesya binti Darawin. Keseluruhan satu Perak dan empat Gangsa.

### Kejohanan Catur Rapid Berpasukan Terbuka Kuantan

Kelab Catur Kuantan telah menganjurkan satu Kejohanan Catur Rapid Berpasukan Terbuka Kuantan pada 14 hingga 15 Februari 2009 bertempat didewan Sekolah Kebangsaan Sungai Soi, Kuantan. Pasukan Catur UMP telah menghantar empat orang atlet dalam kejohanan ini. Keputusan yang diperolehi mendapat tempat ketiga dalam acara berpasukan dan johan bagi kategori *Blizt Chess* oleh Zarul Shazwan bin Zulkifli.

### Kejohanan Taekwando Terbuka UKM

Kejohanan Terbuka Taekwando Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah disertai oleh pasukan Taekwando UMP pada 10 hingga 12 April 2009 berlangsung di Dewan Gemilang UKM. Seramai 20 orang atlet Taekwando UMP telah menyertai kejohanan ini mengikut acara yang dipertandingkan.Pasukan ini memperoleh tiga pingat gangsa yang disumbangkan oleh Mohd Izzat bin Samsudin bagi acara (*Welter*) lelaki manakala Nurul Nabilah binti Zulkifli bagi acara (Bentam) dan Nursyafiqah Binti Ahmad Termidi bagi acara (*Heavy*)

***29th Astro Merdeka Rapid Open Team Chess Championship 2009***

Kejohanan *29th Astro Merdeka Rapid Open Team Chess Championship* adalah merupakan satu pertandingan peringkat antarabangsa yang diadakan pada 28 hingga 31 Ogos 2009 di Ballroom Hotel Cititel, MidValley Kuala Lumpur. Pada kejohanan kali ini, Malaysian Chess Federation (MCF) telah menarik ramai pemain-pemain dari luar negara yang rata-rata mempunyai gelaran yang tertinggi dalam MCF. Pada kejohanan kali ini, UMP telah menghantar seramai lima orang pemain dan ianya merupakan pendedahan terbaik kerana mereka berpeluang mempelajari teknik-teknik terkini daripada pemain antarabangsa. Keputusan perlawanan adalah tiga menang, satu seri dan lima kalah daripada sembilan pusingan permainan.

**Rakan Muda GACC International Inter-Varsity Chess Championship 2009**

Pada 28 November hingga 5 Disember 2009 Universiti Malaya (UM) telah menganjurkan satu kejohanan catur iaitu Rakan Muda *GACC InterNatoinal Inter-Varsity Chess Championship*. Kejohanan ini merupakan satu pertandingan antarabangsa di mana dihadiri oleh beberapa negara-negara luar. Pada kejohaan kali ini, UMP telah menghantar seramai lapan orang atlet. Ini merupakan langkah terbaik para pelajar untuk membaiki mutu permainan setiap pemain.Percapaian kali ini, UMP menduduki tempat ke-8 daripada 20 pasukan.

## PENGANJURAN SUKAN ANTARA UNIVERSITI / AGENSI

**Kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun Ke-6 2009**

Kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun Ke-6 2009 telah berlangsung dengan jayanya pada 26 April hingga 5 Mei 2009 bertempat di Pulau Langkawi, Kedah. Kejohanan ini adalah dianjurkan oleh Persatuan Badan Berkanun Malaysia dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Sebanyak 56 kontinjen telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini yang diadakan setiap dua tahun sekali dan ini merupakan penyertaan kali pertama UMP ke Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun dengan menghantar seramai 53 orang atlet. Sebanyak 18 acara sukan telah dipertandingkan pada kejohanan ini dan UMP telah mengambil bahagian daripada lima acara sukan iaitu Bola Sepak 9 Sebelah, Bola Jaring, Tenpin Boling , Karom dan Bola Tampar Pantai (L).

**Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM-34)**

UMP telah menghantar seramai 180 orang atlet ke Kejohanan Sukan Staf Antara IPTA Malaysia yang telah berlangsung pada 3 hingga 13 Jun 2009 bertempat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebanya 17 acara telah dipertandingkan dan UMP menghantar penyertaan sebanyak 14 acara. Pada kali ini, UMP telah turut menghantar sukan-sukan baharu iaitu Futsal, Hoki dan Ping-Pong di mana sukan-sukan ini telah berjaya melepasi peringkat kumpulan tetapi terpaksa akur di peringkat Suku Akhir.

**Karnival Sukan MTUN 2009 UniMAP (MTUN)**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi tuan rumah kepada Karnival Sukan MTUN 2009 yang berlangsung pada 11 hingga 13 Disember 2009. Pelbagai acara sukan dipertandingkan dan melibatkan penyertaan daripada IPTA di bawah naungan MTUN. UMP telah menghantar beberapa jenis sukan seperti Futsal (W), Futsal (L), Bola jaring, Ragbi, Badminton dan Olah Raga. Keseluruhan pingat yang diperoleh ialah sebanyak dua emas, satu perak dan tiga gangsa.

**Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Awam Pantai Timur 2009 (SIPTAR)**

Kejohanan Sukan IPT Pantai Timur 2009 yang julung kali diadakan di Universiti Malaysia Darul Iman Malaysia telah berlangsung pada 18 hingga 21 Disember 2009. Kejohanan SIPTAR 2009 kali ini melibatkan IPT yang terdapat di Pantai Timur

yang mana 10 IPTA, tiga Politeknik dan dua kolej yang menyertainya. Sebanyak enam jenis acara sukan yang dipertandingkan dan melibatkan lebih kurang 1,200 orang atlet dan para pegawai. UMP telah menghantar seramai lima acara sukan seperti, Bola Tampar L & W,Futsal L & W, Badminton ,Sepak Takraw dan Bola Jaring. Lebih kurang 61 orang atlet dan 10 orang pegawai yang mengiringi kontinjen UMP. UMP telah mendapat tempat ke-3. Pingat yang diperoleh kontinjen UMP adalah dua pingat perak dan tiga gangsa.

1) Bola Tampar (W) : Perak
2) Futsal (L) : Perak
3) Bola Tampar (L) : Gangsa
4) Bola Jaring : Gangsa
5) Sepak Takraw : Gangsa

---

## PENGANJURAN PENGANTARABAGSAAN

**Kejohanan Futsal Sedunia 2008 di Koper (Solovinia)**

Seorang pelajar Universiti Malaysia Pahang dari Fakulti Elektrik & Elektronik iaitu Mohd Johan Bin Bakti telah terpilih mewakili pasukan Malaysia kekejohanan tersebut yang julung-julung kalinya disertai pasukan malaysia di arena antarabangsa. Beliau terpilih berdasarkan persembahanya semasa kejohanan-kejohanan yang dianjurkan dalam sukan Masum dan juga liga futsal tempatan. Beliau telah menjalani latihan pusat semenjak dari tahun 2007 lagi. Seramai 12 pemain dan dua orang pegawai menyertai pasukan Malaysia dalam kejohanan ini. Pencapaian pasukan Malaysia dalam siri kali ini mendapat tempat ke 17 daripada 18 pasukan bertanding. Walaupun pencapaian kurang memberangsangkan, sekurang-kurangnya pasukan ini dan kepada saudara Mohd Johan bin Bakti mendapat pendedahan bertanding di peringkat antarabangsa.

*Jadual 43: Statistik Pencapaian Pingat Kejohanan Sukan MASUM Tahun 2007 hingga 2010*

| TAHUN | PUNGUTAN PINGAT | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | EMAS | PERAK | GANGSA | |
| 2010 | - | 1 | 7 | 8 |
| 2009 | 1 | - | 5 | 6 |
| 2008 | - | 2 | 3 | 5 |
| 2007 | - | - | 2 | 2 |
| **JUMLAH** | **1** | **3** | **17** | |

*Jadual 44: Statistik Pencapaian Pingat Kejohanan Sukan Jemputan Tahun 2007 hingga 2010*

| TAHUN | PUNGUTAN PINGAT | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | EMAS | PERAK | GANGSA | |
| 2010 | - | 1 | 8 | 9 |
| 2009 | 1 | 1 | 7 | 9 |
| 2008 | - | 1 | 4 | 5 |
| 2007 | - | - | - | - |
| **JUMLAH** | **1** | **3** | **19** | |

*Carta 22: Peratusan Graduan UMP Mengikut Status Pada Tahun 2009*




*Carta 23: Statistik Keseluruhan Graduan Mengikut Sesi Konvokesyen Pada Tahun 2009*




## Alumni

Graduan UMP menjadi pilihan syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby Engineering, Motorola, Petronas, MIMOS, Mercedes-Benz, Isuzu, Proton dan sebagainya. Carta 22 menunjukkan jumlah graduan UMP pada tahun 2009 adalah seramai 834 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 475 graduan (57%) telah mendapat pekerjaan , 177 graduan (21%) telah menyambung pelajaran dan 182 graduan (22%) masih mencari pekerjaan.



Bagi meraikan para graduan sebagai ahli baru persatuan alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah mengadakan Majlis Makan Malam Bersama Dato Naib Canselor bersempena dengan Majlis Konvokesyen. Sebagai menunjukan keperihatinan terhadap isu semasa Tabung Alumni Perihatin telah dilancarkan pada Majlis Minum Petang bersempena Konvokesyen Ke-3 Sidang Ke-2 yang berjaya mengumpulan RM200.00. Pada Majlis Makan Malam Graduan bersempena Konvokesyen Kali Ke-4 majlis telah meraikan seramai 40 orang kanak-kanak khas dari Sekolah Pendidikan Khas, Kuantan.




*Majlis Minum Petang sempena Konvokesyen Kali Ke-3 sidang Ke-2 di Hotel Vistana Kuantan pada 23 Januari 2009*





*Majlis Makan Malam sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-4 di Bukit Gambang Resort pada 3 Oktober 2009*




# Teknologi Maklumat & Dokumentasi



# TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

## SISTEM APLIKASI BERSEPADU UMP 2009

Pembangunan Sistem Aplikasi Bersepadu UMP berperanan besar dalam membangun, menyokong dan meyelenggara sistem maklumat dan aplikasi yang menjadi nadi operasi UMP secara elektronik sejak penubuhannya pada tahun 2002.

Dengan tema Pelan Strategik UMP 2008-2010 iaitu "Memperkukuh Asas Menjana Kecemerlangan" pelbagai sistem aplikasi dibangunkan berdasarkan keperluan pentadbir, pensyarah, pelajar dan penyelidik bagi memastikan usaha mentransformasikan sistem penyampaian di UMP iaitu pentadbiran universiti dan aktiviti akademik dapat dilaksanakan dengan efisyen.

Sehingga ke hari ini sejumlah 202 buah sistem aplikasi telah dibangunkan dan ditambah nilai bagi memastikan penggunaannya berdasarkan kehendak pengguna.
Dengan usaha ini juga sistem penyampaian dan perkhidmatan melalui teknologi dapat diurus dengan lebih lestari. Sejajar perkembangan pesat sistem aplikasi universiti, penubuhan Jawatankuasa Sistem Universiti (JKSU) merupakan mekanisme utama yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

- Menyelaras pembangunan sistem aplikasi universiti di setiap PTJ dengan mewujudkan jawatankuasa kerja *system owner* untuk memudahkan perlaksanaan tugas-tugasnya;
- Merancang dan menentukan pelaksanaan pembangunan dan penambahbaikan terhadap sistem aplikasi yang telah/ akan dibangunkan;
- Menyediakan laporan terperinci mengenai status aplikasi terkini dan dibentangkan dalam mesyuarat; dan
- Menghantar maklumat yang diminta oleh KPT ke arah peningkatan kualiti pengajian tinggi melalui input data secara *online* sistem e-Anjung.

Berikut adalah Senarai Sistem Aplikasi Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Statistik dan Pembangunan Sistem Aplikasi Bersepadu UMP Mengikut Jabatan:

*Jadual 45: Senarai Sistem Aplikasi Mengikut Pusat Tanggungjawab*

| BIL. | NAMA JABATAN | KATEGORI | JUMLAH SISTEM |
|---|---|---|---|
| 1. | Jabatan Bendahari | SMK | 53 |
| 2. | Jabatan Pendaftar | SMS | 39 |
| 3. | Bahagian Pengurusan Akademik | SMP | 31 |
| 4. | Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni | SMP | 22 |
| 5. | Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi | - | 14 |
| 6. | Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa | SMP | 7 |
| 7. | Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta | SMS | 6 |
| 8. | Jabatan Penyelidikan & Inovasi | SMR | 5 |
| 9. | Pejabat Naib Canselor (Canseleri) | SMS | 5 |
| 10. | Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti | SMS | 5 |
| 11. | Jabatan Perpustakaan | SMS | 4 |
| 12. | Pusat Pengajian Siswazah | SMP | 2 |
| 13. | Pusat Sukan | SMP | 1 |
| | **JUMLAH** | | **194** |

SMS- Unit Sistem Pengurusan Maklumat Staf
SMP- Unit Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar
SMK- Unit Sistem Pengurusan Maklumat Kewangan
SMR- Unit Sistem Pengurusan Maklumat Penyelidikan





*Carta 24: Statistik Pembangunan Sistem Aplikasi Bersepadu Universiti Mengikut Jabatan Pada Tahun 2009*



*Jadual 46: Statistik Anggaran Pembangunan Sistem Aplikasi Universiti Sehingga 2010*

| TAHUN | 2003-2007 | 2008 | 2009 |
|---|---|---|---|
| Jumlah Sistem Siap Sepenuhnya Dan Digunapakai | 165 | 170 | 206 |
| Sasaran Sistem Siap Sepenuhnya Dan Digunapakai | 114 | 125 | 156 |
| JUMLAH BEZA | 51 | 45 | 50 |
| Sistem Yang Dibangunkan | 41 | 36 | 48 |
| Sistem Sasaran Dibangunkan | 11 | 31 | 44 |
| JUMLAH BEZA | 30 | 5 | 4 |
| (% ) Peratusan Dicapai | 80.10% | 82.52% | 100% |
| % Sasaran Sistem | 73.08% | 80.13% | 100% |
| % Peningkatan (+) | 7.02% | 2.39% | |

*Jadual 47: Statitistik Pembangunan Sistem Sehingga 2009*

| NAMA SISTEM | TAHUN 2007 | | TAHUN 2008 | | TAHUN 2009 | | JUM SISTEM TERKINI | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BIL | % | BIL | % | BIL | % | BIL | % |
| Sistem Maklumat Staf (SMS) | 9 | 21.96 | 15 | 41.67 | 21 | 43.75 | 77 | 37.38 |
| Sistem Maklumat Pelajar (SMP) | 8 | 19.51 | 7 | 19.44 | 10 | 20.83 | 24 | 11.65 |
| Sistem Maklumat Akademik (SMA) | 1 | 2.44 | 2 | 5.56 | 7 | 14.58 | 44 | 21.36 |
| Sistem Maklumat Kewangan (SMK) | 23 | 56.10 | 10 | 27.78 | 6 | 12.50 | 56 | 27.18 |
| Sistem Maklumat Penyelidikan (SMR) | - | | 2 | 5.56 | 4 | 8.33 | 5 | 2.43 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **41** | **19.90%** | **36** | **17.47%** | **48** | **23.30%** | **206** | **100%** |

*Jadual 48: Statitistik Pembangunan Sistem Sehingga 2009 Mengikut Kategori Sistem Maklumat Dan Ptj*

| BIL. | NAMA JABATAN | KATEGORI | JUMLAH MODUL SISTEM | PEMBANGUNAN 2009 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | JABATAN BENDAHARI | SMK | 56 | **6** |
| 2. | JABATAN PENDAFTAR | SMS | 41 | **7** |
| 3. | BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK | SMA | 35 | **5** |
| 4. | JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI | SMP | 21 | **7** |
| 5. | PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI | SMS | 14 | **4** |
| 6. | JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA | SMA | 7 | **1** |
| 7. | JABATAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN HARTA | SMS | 6 | **1** |
| 8. | JABATAN PENYELIDIKAN & INOVASI | SMR | 5 | **4** |
| 9. | PEJABAT NAIB CANSELOR (CANSELERI) | SMS | 6 | **3** |
| 10. | PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT & PENGURUSAN KUALITI | SMS | 5 | **4** |
| 11. | PERPUSTAKAAN | SMS | 5 | **2** |
| 12. | PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH | SMA | 2 | **1** |
| 13. | PUSAT SUKAN | SMP | 3 | **3** |
| | **JUMLAH** | | **206** | **48** |

Sejumlah 48 modul sistem aplikasi baharu yang dibangunkan bagi tahun 2009 dengan jumlah kekuatan staf yang membangunkan seramai 18 orang daripada Bahagian Aplikasi & Pembangunan Sistem (BAPS).



**Nota:**

SMS: Unit Sistem Pengurusan Maklumat Staf
SMP: Unit Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar
SMA: Unit Sistem Pengurusan Maklumat Akademik
SMK: Unit Sistem Pengurusan Maklumat Kewangan
SMR: Unit Sistem Pengurusan Maklumat Penyelidikan

## KOMPLEKS SUKAN UMP DILENGKAPI SISTEM AUDIO TERBESAR PERTAMA DI PANTAI TIMUR

Pada bulan Ogos 2009, UMP telah membangunkan sistem audio di Kompleks Sukan Universiti (KSU) dengan kos mencecah RM3 juta. Sistem ini dikenal pasti sebagai sistem audio terbesar di Pantai Timur.

Buat julung kalinya pada 3 dan 4 Oktober 2009 menyaksikan Majlis Konvokesyen Komemoratif & Konvokesyen Ke-4 UMP telah diadakan di Kompleks Sukan Universiti (KSU). Majlis tersebut berlangsung dengan menggunakan sepenuhnya kemudahan sistem audio yang telah dibangunkan dan dibantu khidmat sokongan warga PTMK.

Peralatan sistem audio dan perkhidmatan sokongan oleh PTMK ini memberikan kemudahan yang effisien dan efektif kepada warga UMP dalam menganjurkan aktiviti dan majlis yang gilang gemilang.



*Amplifier Rack*



*Audio System : Line array speaker, stage fill speaker, front fill speaker, monitor speaker and sub woofer*



*Mixer Digi Design Venue*



*LCD Projector and Anycast Station*




# Pengurusan Kualiti & Produktiviti


TRANSFER

# PENGURUSAN KUALITI & PRODUKTIVITI

## MINISTERIAL KEY RESULTS AREA (MKRA) & KPIS

MKRA & KPIs merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan dan salah satu elemen dalam Pelan Transformasi Kerajaan dalam membantu menjayakan Wawasan 2020. Ianya dikaitkan dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu bidang yang dikenalpasti sebagai *priority* terpenting negara dan diterajui oleh Perdana Menteri. Pencapaian setiap NKRA dipantau secara berkala dan diukur dengan menggunakan Petunjuk Prestasi Utama (NKPI). NKRA di peringkat negara diperturunkan ke peringkat kementerian untuk dilaksanakan dan dikenali sebagai MKRA. Ia merupakan bidang yang dikenalpasti sebagai tanggungjawab utama setiap kementerian. Seperti NKRA, pencapaian MKRA juga akan dipantau oleh petunjuk yang mengukur prestasi iaitu MKPIs.

Dalam perkara ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memilih empat Bidang Keberhasilan Utama (KRA) untuk dijadikan asas pengukuran prestasi dan diukur oleh 14 KPI. Empat MKRA yang telah dikenal pasti ialah:

- Akses dan Kualiti;
- Kebolehpasaran Graduan;
- Pengantarabangsaan, dan
- Penyelidikan dan Pembangunan.

Secara umumnya kesemua MKRA tersebut adalah berlandaskan kepada tujuh Teras Utama Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), 21 Project Agenda Kritikal (CAPs) serta beberapa lagi program khas yang dijalankan. Di peringkat IPTA, kesemua teras MKRA ini telah digabungjalinkan dalam PSPTN untuk dilaksanakan. Kesemua MKRA ini akan disemak secara berkala dan dijangka versi terbaharu akan dikeluarkan pada tahun hadapan.



## Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* Dan Bidang Keberhasilan Utama (*KRA*)

Sejajar dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) semasa, UMP telah mengemaskini Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) sejajar dengan Pelan Strategik UMP 2008-2010 dan sasaran Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) sebagai alat pengukur pencapaian Universiti berpandukan Teras Strategik KPT iaitu:

- Pengukuhan institusi
- Inisiatif antarabangsa
- Akses dan kebolehpasaran graduan
- Memperkasakan graduan
- Pengukuhan ipts

Ke semua teras strategik di atas telah digabungjalinkan ke dalam setiap Projek Agenda Kritikal (CAPs) dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Pencapaian bagi Petunjuk Prestasi Utama bagi tahun 2009 bagi UMP adalah tertera di dalam ringkasan seperti di Jadual (1).

*Jadual 49: Pencapaian Universiti Tahun 2009*

| Bil. | PERKARA | SASARAN | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Boleh diambil kerja graduan atau *graduate employability* | 73% | 80% |
| 2. | Staf berkelulusan PhD | 144 orang | 77 orang |
| 4. | Prasiswazah antarabangsa | 48 orang | 47 orang |
| 5. | Pascasiswazah antarabangsa | 69 orang | 70 orang |
| 6. | Geran penyelidikan (setahun) | RM 4 juta | RM 11 juta |
| 7. | Paten yang disah dan belum disahkan | 50 paten | 49 paten |
| 8. | Bilangan paten yang dikomersialkan | - | 1 |
| 9. | Jumlah faktor impak penerbitan | 0 | 24.64 mata |

Secara keseluruhannya, universiti telah mencapai kebanyakan sasaran yang ditetapkan. Namun masih terdapat penambahbaikan yang perlu dilipatgandakan supaya pencapaian ini sentiasa berkembang pada tahun akan datang. Selain itu, melalui UMP Holding Sdn. Bhd., pihak universiti juga telah merangka langkah-langkah yang lebih konkrit untuk menjana lebih banyak pendapatan daripada pelbagai sumber ke arah mencapai hasrat utama Kerajaan dalam mana universiti dapat diberi autonomi pengurusan kewangan. Ini bukan sekadar mempertingkatkan dana tabung universiti demi memenuhi peningkatan perbelanjaan operasi yang berkaitan dengan pertumbuhan universiti sepanjang masa bahkan berusaha mengurangkan kebergantungan kepada kewangan Kerajaan pada masa hadapan kelak.

Kesemua usaha tersebut juga merupakan komitmen universiti untuk mencapai Bidang Keberhasilan Utama (KRA) serta Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) lalu menyumbang ke arah pencapaian salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).



**Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)**

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju dan memperkasakan pendidikan tinggi negara menjelang 2020. Ia memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan modal intelek berkualiti bagi mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi maju, makmur dan kompetitif. Ianya adalah berasaskan kepada fasa-fasa pembangunan dan 7 teras strategik iaitu :

| FASA | KETERANGAN |
|---|---|
| Fasa I | 2007-2010 (Peletakan Asas) |
| Fasa II | 2011-2015 (Peningkatan dan Pemerkasaan) |
| Fasa III | 2016-2020 (Kecemerlangan) |
| Fasa IV | Melangkaui 2020 (Kegemilangan dan Kelestarian) |

| TERAS | KETERANGAN |
|---|---|
| 1 | Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti |
| 2 | Menambah baik kualiti Pengajaran dan pembelajaran |
| 3 | Memperteguhkan penyelidikan dan inovasi |
| 4 | Memperkasa Institut Pengajian Tinggi |
| 5 | Mempergiat pengantarabangsaan |
| 6 | Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat |
| 7 | Memperkukuhkan sistem penyampaian KPT |

Penggubalan Perancangan Strategik di semua IPTA hendaklah diselarikan dengan teras-teras tersebut dan dijadikan sebagai asas panduan dan rujukan. Oleh itu, pembentukan Pelan Strategik UMP 2008-2010 dahulu telah mengambil kira dan selari dengan PSPTN. Kebanyakannya projek/program yang telah dirancang di peringkat IPTA adalah menyokong kepada sasaran pencapaian yang telah ditetapkan dalam PSPTN. Daripada perspektif UMP, hubung kait Pelan Strategik UMP 2008-2010 dengan PSPTN adalah seperti berikut :

*Carta 25 : Hubungan dan Kaitan Pelan Strategik UMP 2008-2010 Dengan Critical Agenda Project (CAP), PSPTN*
















Bagi memantau pelaksanaan PSPTN ini, Kementerian Pengajan Tinggi (KPT) telah menubuhkan Pejabat Pengurusan Projek (PMO) dan membangunkan satu aplikasi sistem iaitu Sistem Pemantauan Pelaksanaan Agenda Kritikal PSPTN atau lebih dikenali sebagai e-PMO. Manakala, di peringkat IPTA ianya dikenali sebagai *Institutional Program Management Office* (iPMO) yang diwakili oleh seorang ketua di peringkat pengurusan. IPMO di UMP diketuai oleh Pengarah PPKPK dan dibantu oleh Jawatankuasa Pemantau Pelan Strategik UMP 2008-2010.

Bagi memastikan setiap IPTA faham dan mampu mengunakan sistem ini, pihak Pejabat Pengurusan Projek (PMO) yang diketuai oleh Y. Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Pengarah PMO, KPT telah datang untuk memberi taklimat kepada pihak pengurusan UMP pada 5 Mei 2009. Seramai 22 orang yang terdiri daripada  pihak pengurusan universiti dan Ketua Jabatan di setiap PTJ telah hadir bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan pelaksanaan PSPTN di IPTA dan kepentingannya.

Pihak PMO  juga telah membuat Lawatan Keserakanan (*Peer Review*) ke semua IPTA untuk melihat pencapaian setiap Objektif Strategik (SO) berdasarkan Petunjuk Penilaian Prestasi (KPI) yang ditetapkan. Lawatan ini akan turut disertai oleh beberapa orang wakil dari IPTA yang lain. UMP telah menerima kunjungan Lawatan Keserakanan ini pada 19-20 November 2009. Semasa lawatan tersebut, 19 orang staf terlibat dalam menyalurkan maklumat yang diperlukan dalam membantu mereka membuat pemantauan pelaksanaan PSPTN di UMP. Berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh pihak PMO, prestasi UMP dalam pelaksanaan PSPTN adalah berada dalam keadaan baik seperti rajah dibawah. Sesi kedua aktiviti ini akan diteruskan pada tahun hadapan.

*Jadual 43 : Perbandingan Health Check Pencapaian UMP Dengan IPTA Lain*

| Projects | IUM | UDM | UITM | UKM | UM | UMK | UMP | UMS | UMT | UNIMAP | UNIMAS | UPM | UPNM | UPSI | USIM | USM | UTEM | UTHM | UTM | UUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Governance | 7;2.1 | 7;3.0 | 6;4.1 | 5;3.6 | 6;4.1 | 17;4.10 | 2;3.4 | 6;2.80 | 4;3.9 | 6;4.50 | 6;1.17 | 5;5.0 | 5;2.2 | 10;4.25 | 4;3.3 | 6;4.6 | 63.5 | 6;4.30 | 5;4.5 | 4;4.0 |
| Leadership | 4;2.50 | 4;2.9 | 6;4.2 | 6;4.2 | 4;5.00 | 9;3.47 | 4;3.6 | 6;28 | 2;3.0 | 6;4.2 | 7;1.54 | 2;4.2 | 5;2.3 | 4;3.7 | 3;2.50 | 53.7 | 6;4.1 | 54.7 | 5;4.1 | 4;3.5 |
| Academia | 12;3.25 | 4;275 | 6;4.1 | 10;3.7 | 6;4.3 | 7;3.65 | 5;4.2 | 6;31 | 4;4.0 | 7;4.1 | 4;4.06 | 4;5.0 | 5;2.0 | 9;3.6 | 4;3.05 | 10;3.9 | 6;3.75 | 4;4.8 | 5;405 | 5;3.2 |
| Teaching & Learning | 11;3.3 | 5;255 | 5;4.1 | 4;500 | 5;4.0 | 9;4.40 | 7;4.4 | 5;24 | 6;4.3 | 5;4.2 | 6;5.00 | 7;4.1 | 5;2.4 | 64.40 | 5;3.3 | 10;4.0 | 53.5 | 7;4.10 | 5;4.1 | 6;4.2 |
| Resaarh and Development | ERR;ERR | 5;205 | 6;4.0 | 5;4.25 | 13;3.15 | 8;3.30 | 5;3.8 | 6;19 | 5;3.1 | 5;3.8 | 10;3.57 | 4;5.0 | 4;3.0 | 16;3.24 | 2;3.7 | 13;4.15 | 53.4 | 8;4.05 | 5;4.2 | 6;4.2 |
| Internationalization | 13;2.40 | 7;2.2 | 6;4.0 | 4;375 | 7;4.3 | 4;3.30 | 4;4.7 | 6;36 | 5;3.5 | 6;4.04 | 9;2.66 | 3;4.6 | 3;0.65 | 7;3.3 | 34.75 | 10;4.10 | 43.0 | 4;4.7 | 5;465 | 5;3.5 |
| Graduate Employability | 5;3.20 | 5;310 | 5;4.5 | 4;2.8 | 7;500 | 1;3 | 3;4.7 | 5;33 | 4;4.6 | 8;3.20 | 5;3.28 | 4;4.2 | 3;0 | 7;3.8 | 2;3.0 | 3;4.0 | 52.4 | 4;4.2 | 54.6 | 5;3.7 |
| Holistic Student Development | 7;3.8 | 4;4.3 | 4;4.4 | 2;4.5 | 4;5.00 | 4;35 | 3;4.1 | 5;30 | 7;4.5 | 6;2.25 | 2;4.00 | 1;5 | 3;1.8 | 9;4.3 | 2;3.5 | 54.0 | 2;3 | 44.6 | 5;2.15 | 3;2.7 |
| MyBrain 15 | 8;1.7 | 4;2.0 | 6;4.0 | 1;5 | 7;470 | 1;3 | 3;1.8 | 6;22 | 8;3.1 | 8;4.3 | 6;3.7 | 1;5 | 5;2.0 | 4;4 | 4;3.00 | 44.0 | 6;3.75 | 5;3.1 | 54.6 | 5;3.9 |
| Lifelong learning | 4;3.25 | 4;2.1 | 6;4.1 | 1;3 | 5;5.0 | 9;2.87 | 4;3.5 | 4;42 | 3;4.0 | 5;4.0 | 64.10 | 3;4.0 | 5;0.8 | 6;4.0 | 1;3 | 6;4.0 | 34.0 | 6;4.1 | 54.2 | 5;3.2 |
| Quality Assurance | 5;3.4 | 4;4.2 | 6;4.6 | 3;5.0 | 6;3.0 | 1;3 | 4;5.0 | 6;30 | 7;3.1 | 5;4.4 | 3;4.37 | 4;4.7 | 5;3.4 | 64.20 | 3;4.4 | 6;3.6 | 53.8 | 4;4.0 | 53.7 | 2;3.5 |
| Industry and Academia | 10;4.05 | 8;185 | 6;4.0 | 4;2.4 | 4;4.00 | 11;340 | 4;3.9 | 6;37 | 4;4.1 | 74.60 | 11;2.43 | 3;4.1 | 4;3.2 | 64.05 | 3;2.9 | 4;4.1 | 54.0 | 5;3.4 | 53.6 | 4;3.8 |

On Schedule — With low Medium Issues — Serious Issue

## Pelan Strategik UMP 2008-2010

Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008-2010 (bagi tahun 2009) telah ditetapkan melalui kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 4/2009 bertarikh 11 Mac 2009. Melalui kelulusan tersebut maka semua ketua jabatan telah diarahkan untuk melaksanakan Pelan Strategik UMP 2008-2010 (khususnya bagi tahun 2009). Bagi memastikan pelaksanaan pelan tersebut berjalan dengan lancar dan berkesan maka sesi penerangan Pelan Strategik UMP 2008-2010 (bagi tahun 2009) telah diadakan pada 17 April 2009 yang dihadiri oleh pihak pengurusan universiti dan semua ketua jabatan.

Bermula pada pertengahan tahun 2009, kaedah pemantauan Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang sebelum ini digerakkan melalui *Task Force 1, 2* dan *3* telah diganti dengan kaedah pemantauan terus kepada PTJ berkenaan dan dikehendaki untuk membuat pelaporan secara berkala.. Ini bertujuan untuk mepercepatkan proses aliran pemgumpulan maklumat di peringkat sekretariat.

Berdasarkan kepada analisis pencapaian bagi tahun 2009, didapati hampir kesemua CSF menunjukkan peningkatan kecuali CSF 4 iaitu akses dan sosioekonomi. Ini adalah kerana kebanyakan stategi/projek/program yang disenaraikan memerlukan proses yang panjang untuk dicapai dan melibatkan pihak dari organisasi luar seperti mendapatkan kelulusan. Secara umumnya, ia berada di tahap baik iaitu 73% berbanding dengan 63.1% pada tahun sebelumnya. Perbandingan ini ditunjukkan dalam jadual dan graf seperti berikut:

*Jadual 51: Pencapaian Pelan Strategik UMP 2008-2010 Mengikut CSF Bagi Tahun 2009*

| CSF | PERKARA | PERATUS PENCAPAIAN THN 2009 (%) | PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN | KATEGORI |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Governan | 89 | | Cemerlang |
| 2 | Pembangunan Modal Insan | 48 | | Memuaskan |
| 3 | Pengajaran & Pembelajaran | 68 | | Baik |
| 4 | Akses & Sosioekonomi | 19 | | Lemah |
| 5 | Penjaminan Kualiti | 79 | | Baik |
| 6 | Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersilan | 79 | | Baik |
| 7 | Pembelajaran Sepanjang Hayat | 100 | | Cemerlang |
| 8 | Pengantarabangsaan | 78 | | Baik |
| 9 | Nilai Tambah Berasaskan Teknologi | 74 | | Baik |
| 10 | Mekanisme Pembiayaan | 92 | | Cemerlang |

*Carta 26: Peratusan Perbandingan Pencapaian Pelan Strategik UMP 2008-2010 Mengikut CSF Bagi Tahun 2008-2009*







## AGENDA TRANSFORMASI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN UMP

Bagi memastikan pencapaian visi dan misi UMP melalui Pelan Strategik UMP 2008-2010 berjalan dengan lancar, maka segala halangan atau kekangan yang membelenggu terutamanya dari aspek pengurusan dan pentadbiran perlu dikenal pasti dan diatasi dengan segera. Oleh itu, setiap permasalahan ditentukan kaedah penyelesaiannya dan dilakukan transformasi dengan radikal. Perubahan drastik ini telah diperkenalkan oleh universiti sejak tahun 2008 dan mula dilaksanakan di peringkat PTJ pada tahun 2009

Berdasarkan kepada senarai isu yang dikenalpasti didapati terdapat 174 isu/ permasalahan secara keseluruhan yang perlu dilaksanakan di UMP seperti carta 27 di bawah.

*Carta 27: Senarai Isu Yang Dikenal pasti Secara Keseluruhan Pada Tahun 2009*



Bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar, pelaksanaan mengikut keutamaannya adalah mengikut skala tindakan 1-4 iaitu:

1 - *Immediate Action* (serta-merta)
2 - *Medium Term Action* (dalam tempoh tiga hingga enam bulan)
3 - *Long Term Action* (dalam tempoh enam bulan hingga satu tahun)
4 - *Review Action* (cadangan dikaji semula)

Dalam menjayakan Agenda Trasformasi Pengurusan dan Pentadbiran ini, pihak universiti telah mengarahkan PPKPK untuk melaksanakan audit pelaksanaan agenda transformasi dengan bantuan Unit Audit Dalam yang bertanggungjawab khusus dalam pengauditan di UMP.

Pada tahun 2009, sebanyak dua kali sesi audit telah diadakan bagi memantau tahap pelaksanaan bagi Skala Tindakan 1 dan 2 di Jabatan Bendahari dan Jabatan Pendaftar. Hasil daripada sesi audit tersebut didapati tahap pelaksanaanya adalah seperti carta 28 berikut:

*Carta 28: Skala Tahap Pelaksanaan Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2009*



Sehingga Jun 2009, prestasi pelaksanaan bagi Skala Tindakan 1 dan 2 secara keseluruhannya adalah pada tahap 77%. Tumpuan pemantauan dan laporan lebih spesifik kepada tindakan di Skala Tindakan 1 dan 2 kerana tempoh untuk pelaksanaannya adalah pada Januari hingga Jun 2009. Manakala Skala Tindakan 3 dan 4 adalah pada Jun hingga Disember 2009.

Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP adalah seperti Carta 29 berikut:

*Carta 29: Tahap Pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP Pada Tahun 2009*




## PEMANTAUAN PEMBANGUNAN MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK) DAN FAIL MEJA (FM)

Selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam PKPA Bil. 8/1991 iaitu setiap jabatan/agensi kerajaan perlu membangunkan Manual Prosedur Kerja (MPK)/ Fail Meja (FM) masing-masing. Sehubungan itu, semua pihak PTJ di UMP telah mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi menjayakan hasrat tersebut. Oleh itu, satu mesyuarat khusus bersama PTJ mengenai MPK/FM anjuran PPKPK dan Unit Audit Dalam telah diadakan pada 22 April 2009 bagi menerangkan tentang kepentingan, kaedah pemantauan, kelemahan yang berlaku dalam proses penyediaannya dan bagaimana untuk mengatasinya.

Bagi menjayakan inisiatif ini, PPKPK juga telah menjadi fasilitator dalam beberapa siri bengkel penyediaan/ pemurnian MPK/FM yang telah dianjurkan oleh PTJ seperti Jabatan Hal Ehwal pelajar & Alumni (JHEPA), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) pada Mac dan Disember 2009.

Selain itu, satu taklimat dalaman tentang penyediaan MPK/FM kepada staf baharu juga telah diadakan pada 12 Ogos 2009 bertempat di Bilik Seminar JHEAA. Sesi sebegini akan diteruskan secara berterusan dari semasa ke semasa.









## PENGHANTARAN DATA KE SISTEM MYMOHES, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Kementerian Pengajian Tinggi telah membangunkan satu Sistem Maklumat KPT Berkaitan IPTA yang dinamakan MyMoheS. Sistem ini bertujuan memperkemaskan proses penyaluran data/maklumat IPTA kepada KPT bagi membantu meningkatkan kecekapan sistem pengurusan maklumat pengajian tinggi negara. Sistem ini juga dapat memastikan data dan maklumat yang dibekalkan oleh IPTA ke KPT sentiasa tepat, terkini, sahih dan boleh digunakan bagi tujuan perancangan, penggubalan dasar dan pembangunan pengajian tinggi negara yang mampan.

Data-data yang dihantar adalah data pelajar, staf, maklumat institusi serta penyelidikan, perundingan dan pengkomersialan. Penghantaran data adalah dua kali setahun iaitu enam minggu selepas tarikh kemasukan pelajar ke IPTA. Media penghantaran data adalah melalui kemudahan atas talian e-Anjung dalam sistem myMoheS.

UMP telah berjaya mendapat *star rating* tiga (3) bintang bagi penghantaran data Semester 2 sesi 2009/2010 pada Ogos 2009.

## SISTEM MAKLUMAT EKSEKUTIF (EIS)

Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) telah ditambahbaik sejak tahun 2008 bagi kegunaan pihak pengurusan universiti. Tujuan utama EIS diwujudkan adalah untuk membolehkan pihak pengurusan universiti dan PTJ yang berkaitan mendapatkan maklumat dan data-data berkaitan UMP untuk dilaporkan kepada *stakeholders* yang berkaitan seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), MQA, EAC dan sebagainya. Melalui EIS diharapkan akan dapat mempercepatkan proses penyaluran maklumat dan data-data kepada pihak yang berkenaan dengan cepat, efektif dan efisyen.

Di samping itu, EIS juga boleh digunakan oleh pihak pengurusan universiti dalam proses untuk membuat keputusan-keputusan yang penting. Ini bertujuan untuk memastikan keputusan-keputusan tersebut adalah tepat, dan betul berpandukan kepada data dan maklumat yang sahih serta boleh dipercayai. Melalui EIS juga akan membolehkan pihak pengurusan universiti membuat keputusan yang penting dengan lebih cepat, betul dan cekap. Ini secara langsung akan dapat meningkatkan prestasi sistem penyampaian universiti.

Pada tahun 2009, peratus EIS siap ditambah baik secara keseluruhannya adalah di tahap 90%. Peratusan ini merangkumi Data Staf, Data Akademik, Data Pelajar, Data Kewangan dan Data Penyelidikan dan Pengkomersialan. EIS ini dijangka siap sepenuhnya dan juga boleh diguna pakai data-datanya adalah pada hujung tahun 2010, di mana pada pertengahan tahun 2010 akan dilancarkan EIS fasa pertama dan selepas pelancaran fasa pertama akan dijalankan pembangunan fasa kedua EIS.



## PERSIJILAN MS ISO 9001:2008 (SKOP LATIHAN LUARAN)

Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 (Latihan Luaran) telah bermula sejak April 2004 dan UMP telah berjaya memperolehi persijilan MS ISO 9001:2000 daripada pihak SIRIM pada Oktober 2005. Pelbagai program telah dijalankan sepanjang 2009 bagi memastikan Jabatan/Unit yang terlibat melaksanakan keperluan MS ISO 9001:2008 seperti semakan dokumen berkala (mengemas kini dokumen berdasarkan ISO versi 2008), semakan dokumen pra *surveilance audit*, Mesyuarat Jawatankuasa MS ISO 9001:2008 (Latihan Luaran) dan Mesyuarat Majlis Kualiti (QCM).

Sesi Audit Dalaman telah diadakan pada bulan September hingga Oktober 2009 yang bertujuan untuk memastikan sistem pengurusan kualiti bagi skop perkhidmatan latihan luaran mematuhi keperluan dan standard MS ISO 9001:2008. Berdasarkan kepada keputusan audit didapati terdapat tiga Ketidakakuran (NCR) ditemui dan 15 cadangan penambahbaikan (OFI) telah dikemukakan oleh Juruaudit Dalaman Universiti. Ketidakakuran (NCR) dan cadangan-cadangan penambahbaikan tersebut telah dan sedang diambil tindakan oleh jabatan-jabatan yang terlibat untuk dilaksanakan.



## PERSIJILAN MS ISO 9001:2000 (SKOP PENGAJARAN & PEMBELAJARAN)





Usaha ke arah mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2008 telah mula digerakkan sejak tahun 2006 lagi. Ianya telah diteruskan sehingga kini seperti perancangan dan pelbagai program telah dijalankan sepanjang tahun 2009 bagi memastikan proses persijilan MS ISO 9001:2008 dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Antaranya adalah Taklimat MS ISO 9001:2008 ke Fakulti/Jabatan, Sesi Kemas kini dan Penambahbaikan Dokumentasi Di bawah Tanggungjawab PTJ, Mesyuarat Integrasi EAC, MQA dan MS ISO 9001:2008, Mesyuarat Bersama Penyelaras ISO PTJ, Mesyuarat Jawatankuasa MS ISO 9001:2008 (Pengajaran dan Pembelajaran) dan Mesyuarat Majlis Kualiti (QCM).

Bagi memenuhi salah satu keperluan utama MS ISO 9001:2008, Sesi Audit Dalaman Bil. 1/09 telah diadakan pada 15-16 September 2009, 26-29 Oktober 2009 dan 3-4 November 2009. Berdasarkan kepada penemuan audit didapati terdapat 13 Ketidakakuran (NCR) diperolehi dan 72 cadangan penambahbaikan (OFI) telah dikemukakan oleh Juruaudit Dalaman Universiti. Ketidakakuran (NCR) dan cadangan-cadangan penambahbaikan tersebut telah dan sedang diambil tindakan oleh jabatan-jabatan yang terlibat untuk dilaksanakan.

Walaupun bilangan dapatan tersebut agak banyak, ianya telah menunjukkan petanda positif bahawa tahap kesiapsiagaan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2008 masih banyak perkara perlu dipertimbangkan dan ditambah baik sebelum melalui *adequacy audit (stage 1)* oleh pihak luar. Kenyataan ini merujuk kepada bilangan ketidakakuran dan cadangan penambahbaikan yang banyak pada sesi Audit Dalaman Bil. 1/2009 seperti Carta 30 dibawah:

*Carta 30: Keputusan Dapatan Semasa Audit Dalaman MS ISO 9001: 2008 (Pengajaran & Pembelajaran)*



Penetapan sasaran untuk mendapatkan persijilan ini adalah penting dan amat strategik kerana ianya mempunyai potensi yang besar dalam menarik pihak industri berasaskan petrokimia di kawasan Pantai Timur untuk menggunakan khidmat kepakaran dari UMP. Oleh itu, inisiatif ke arah persijilan MS ISO/IEC 17025 : 2005 (Sistem Pengurusan Kualiti Makmal) ini telah bermula di UMP semenjak tahun 2006 lagi dan ianya disasarkan di dua buah makmal iaitu Chemitel di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan CELS di Fakulti Kejuruteraan Alam dan Sumber Alam (FKASA). Skop persijilan bagi kedua-dua makmal ini adalah seperti berikut:

| CELS (FKASA) | CHEMITEL (FKKSA) |
|---|---|
| Water & Waste Water | Chemical (heavy metal)<br>Microbiology |

Bagi menrealisasikan persijilan ini, kedua-dua fakulti telah mengambil langkah-langkah perlu bagi memenuhi elemen/tuntutan yang dikehendaki dalam proses persijilan tersebut. Antara program-program yang telah dilaksanakan/diikuti sepanjang 2009 adalah Mesyuarat Jawatankuasa MS ISO/IEC 17025 (Sistem Pengurusan Kualiti Makmal) Kali Ke-2 Bil. 1/2009, *Hands-on Training: Water & Waste Water Testing Course, Measurement Uncertainty for Water & Waste Water Testing Course,* Kursus MS ISO/IEC 17025 *Lead Auditor,* Bengkel Semakan Dokumentasi MS ISO/IEC 17025:2005 (FKKSA), Sesi Perbincangan berkaitan MS ISO/IEC 17025 bersama FKKSA & FKASA dan Bengkel Pengenalan MS ISO/IEC 17025:2005

Perbandingan secara amnya, status pelaksanaan MS ISO/IEC 17025:2005 di kedua-dua buah makmal ini agak berbeza. Pihak FKKSA telah berjaya menyiapkan 95% dokumentasi mereka dan ianya sentiasa dikemas kini dari semasa kesemasa. Manakala, pihak FKASA telah berjaya menyiapkan dokumentasi dan dalam proses untuk dihantar ke Jabatan Standard Malaysia (DSM) untuk *Pre-Assessment* dan *Adequacy Audit* yang dijangka akan dilakukan pada tahun hadapan.

Sepanjang tahun 2009, beberapa program di FKASA telah dilaksanakan/diikuti bagi memastikan persijilan MS ISO/IEC 17025:2005 berjalan dengan lancar. Antaranya *Documentation Workshop-Guiding On Job Training For Laboratory Management, Hands On Training On Laboratories Analysis, Preparation of Documentation & Laboratories Equaipment,* dan *On Job Training On Laboratories Analysis dan Preparation of MPV and MU Documents.*






## PERSIJILAN AMALAN 5S (PERSEKITARAN KERJA BERKUALITI)

Selaras dengan hasrat YH Dato' Naib Canselor dalam Majlis Amanat Tahunan 2009 yang mensasarkan keseluruhan PTJ di UMP perlu mendapatkan persijilan 5S, maka semua PTJ telah mengerakkan usaha masing-masing bagi mencapai hasrat tersebut. Melalui Jawatankuasa Induk 5S UMP, beberapa siri audit dalaman telah dilaksanakan dalam menentukan bilangan PTJ yang benar-benar layak untuk melalui proses persijilan oleh pihak MPC nanti.

Selepas melalui sesi *pra-audit* dan *compliance audit* oleh MPC pada bulan Ogos 2009, terdapat tujuh buah PTJ yang berjaya iaitu Pejabat Naib Canselor (PNC), Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Jabatan Pendaftar, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK), Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Unit Audit Dalam dan Bahagian Keselamatan.

Kejayaan 7 PTJ ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan dan pembudayaan Amalan 5S mula diterima oleh semua PTJ di UMP. Ini berdasarkan kepada pertambahan bilangan PTJ yang dipersijilkan iaitu empat buah pada 2008 kepada tujuh buah pada 2009.

*Carta 35: Bilangan PTJ Di UMP Yang Berjaya Memperolehi Persijilan Amalan 5S Pada Tahun 2009*




Bagi memantapkan pembudayaan Amalan 5S ini, Jawatankuasa Amalan 5S UMP telah giat melaksanakan program-program Amalan 5S di semua Pusat Tanggunjawab (PTJ). Di antara program yang telah dijalankan sepanjang 2009 adalah Bengkel Sesi Perkongsian Pengalaman Pelaksanaan, Pembudayaan & Persijilan Amalan 5S, Lawatan Kerja Amalan 5S ke UNITEN, Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Muadzam Shah, Bengkel Pemfailan 5S, Taklimat Pelaksanaan & Pembudayaan Amalan 5S ke PTJ, Audit Dalaman Amalan 5S ke semua PTJ dan Pra Audit Persijilan Amalan 5S Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Kejayaan UMP memperoleh persijilan Amalan 5S ini telah menjadikan UMP sebagai *beachmark* oleh beberapa organisasi kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi Awam lain (IPTA) dalam melaksanakan dan membudayakan Amalan 5S. Ini boleh dilihat daripada beberapa siri lawatan kerja oleh organisasi tersebut ke UMP seperti Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Institut Latihan Perindustrian (ILP) Gebeng Kuantan dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Kuantan.














## KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

UMP telah melaksanakan inisiatif dan program-program peningkatan kualiti dan produktiviti sejak awal penubuhannya melalui pendekatan *Total Quality Organization* (TQO) dan berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) dalam usaha untuk mewujudkan budaya kerja cemerlang di kalangan anggota pekerja UMP. Program KIK telah mula dilaksanakan secara rasmi apabila Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti (MPPU) yang telah meluluskan cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa KIK di UMP. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan KIK di UMP.

Satu bengkel mengenai *awareness* dan pelaksanaan KIK di UMP telah dianjurkan oleh urusetia kepada semua fasilitator dan ketua kumpulan KIK dari setiap PTJ pada Februari 2009 dengan kerjasama pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Majlis Pelancaran Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dan Penyerahan Sijil Amalan 5S yang disempurnakan oleh Naib Canselor telah diadakan pada 16 Julai 2009 yang bertujuan untuk memberikan mesej kepada semua warga UMP tentang sokongan pihak pengurusan universiti dalam pelaksanaan KIK di semua Fakulti/Jabatan di UMP.

Pelaksanaan inisiatif KIK di UMP telah melalui fasa yang penting di mana pihak Jawatankuasa Pelaksana KIK UMP telah berjaya menganjurkan Konvensyen KIK UMP yang diadakan pada 19 Oktober 2009 (Saringan) dan 28 Oktober 2009 (Akhir) yang lalu. Dalam pertandingan tersebut Kumpulan *e-Lib* (Perpustakaan) telah mendapat tempat pertama diikuti oleh *eagle* (PPKPK), *synergy* (JPI), *BMW* (PNC) dan *Innotech* (FKKSA). Pemenang konvensyen ini akan mewakili UMP dalam pertandingan Konvensyen KIK peringkat IPTA yang akan diadakan pada tahun hadapan. Berikut adalah senarai Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dan PTJ yang telah menyertai Konvensyen KIK UMP yang lalu iaitu:

*Jadual 45: Senarai Kumpulan KIK Dan PTJ Yang Menyertai Konvensyen KIK UMP Pada Tahun 2009*

| Bil. | Kumpulan | Tajuk Projek | PTJ |
|---|---|---|---|
| 1. | *SiRec* | Penyelarasan maklumat aktiviti pelajar | Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JEHPA) |
| 2. | *Synergy* | Buku ilmiah yang diterbitkan tidak terjual | Jabatan Penyelidikan & Inovasi |
| 3. | *Transform 8* | Kesukaran mengemas kini maklumat dalam fail peribadi | Jabatan Pendaftar |
| 4. | *3e* | Perekodan sistem latihan dalaman yang kurang berkesan | Jabatan Pendaftar |
| 5. | *Avicenna* | Sistem e-Klinik panel | Jabatan Pendaftar |
| 6. | *BMW* | Kesukaran mencari dan mengambil cenderamata di stor pusat Pejabat Naib Canselor | Pejabat Naib Canselor |
| 7. | *Eagle* | Kesukaran mendapatkan laporan/maklumat/ data dari PTJ | Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti |
| 8. | *One Fist Group* | Kesukaran dalam melaksanakan ujian bagi bilangan pelajar yang ramai *(Subjek Service)* | Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) |
| 9. | *Diamond Salvation* | *Online purchasing system* (OPS) | Jabatan Bendahari |
| 10. | *e-Lib* | Masalah *book drop* yang gagal proses pemulangan buku kecil atau ringan | Perpustakaan |
| 11. | InnoTech | Kesukaran menyediakan kepelbagaian kepekatan bahan kimia untuk proses pengajaran dan pembelajaran | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli |


MECHAPRO
MECHAPRO
MECHAPRO




# Laporan & Penyata Kewangan


CANSELERI

## PRESTASI KEWANGAN 2009

Bagi tahun 2009, pada keseluruhannya Universiti telah membelanjakan sebanyak RM205.02 juta iaitu peningkatan sebanyak 44.20% (RM62.84 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2008 sebanyak RM142.17 juta. Hasil Universiti bagi tahun 2009 ialah sebanyak RM230.95 juta iaitu meningkat sebanyak 31.43% (RM55.23 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2008 (RM175.72 juta).

*CARTA 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2002-2009*




Perbelanjaan universiti telah dibiayai oleh pemberian dari Kerajaan berjumlah RM205.83 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM203.40 juta dan Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM2.44 juta.

*CARTA 2 : Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2009 dan 2008*






*CARTA 3 : Pecahan Perbelanjaan Universiti Tahun 2009 dan 2008.*







Sebanyak RM332.49 juta telah dibelanjakan pada tahun 2009 yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM190.60 juta, belanja penyelidikan berjumlah RM5.01 juta, belanja pembangunan berjumlah RM136.56 juta, belanja amanah berjumlah RM0.06 juta dan belanja anak syarikat berjumlah RM0.27 juta. Daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan itu, perbelanjaan terbesar adalah bagi perkhidmatan dan bekalan iaitu RM70.85 juta atau 33.47%. Jumlah ini telah mencatatkan penambahan sebanyak RM17.56 juta atau 32.95% dibandingkan dengan jumlah perkhidmatan dan bekalan pada tahun 2008.

Perbelanjaan ke atas emolumen adalah merupakan perbelanjaan kedua terbesar berjumlah RM51.34 juta atau 24.25% meningkat sebanyak RM9.56 juta atau 22.89% daripada RM41.78 juta pada tahun 2008.

## KUMPULAN WANG PENGURUSAN

Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, Universiti Malaysia Pahang adalah terdiri daripada penyaluran geran kerajaan yang menyumbang hampir keseluruhan operasi Universiti. Ini dibantu oleh sebahagian kecil pendapatan Universiti melalui hasil yuran pelajar serta hasil dari sumber-sumber lain. Jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan bagi tahun 2009 bertambah sebanyak 28.94% (RM48.71 juta), daripada RM168.29 juta pada tahun 2008 kepada RM217.00 juta pada tahun 2009.

*CARTA 4: Perbandingan Pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan wang Pengurusan tahun 2002 – 2009*




Daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM203.40 juta pendapatan adalah disumbangkan oleh Kerajaan bagi tahun 2009 iaitu penambahan sebanyak 29.53% (RM46.37 juta) berbanding pada tahun 2008 sebanyak RM157.03 juta. Hasil dari pelajar meningkat daripada RM10.58 juta pada tahun 2008 kepada RM13.16 juta pada tahun 2009, peningkatan sebanyak 24.38% (RM2.58 juta).

*CARTA 5 : Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan Tahun 2009 dan 2008*







Manakala perbelanjaan pengurusan Universiti bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM190.60 juta iaitu penambahan sebanyak 36.85% (RM51.32 juta) daripada RM139.28 juta pada tahun 2008. Daripada jumlah ini sebanyak RM51.34 juta atau 24.25% adalah merupakan perbelanjaan ke atas emolumen. Perbelanjaan sewaan berjumlah RM34.99 juta atau 17.70% daripada jumlah keseluruhan, peningkatan sebanyak RM13.81 juta berbanding pada tahun 2008.

*CARTA 6 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2009 dan 2008*






*CARTA 7 : Perbandingan Peruntukan Tunai Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2003 - 2009*




*CARTA 8 : Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2003 - 2009*




## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan UMP adalah untuk pembinaan kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan, Pahang. Bagi tahun kewangan 2009, geran peruntukan yang diterima dari Kementerian Pengajian Tinggi adalah sebanyak RM79.70 juta. Perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2009 adalah sebanyak RM136.56 juta.

## KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peratusan perbelanjaan telah menunjukan peningkatan dari RM1.84 juta dalam tahun 2008 kepada RM5.01 juta dalam tahun 2009. Terdapat peningkatan kepada pendapatan iaitu daripada RM0.19 juta dalam tahun 2008 kepada RM2.44 juta dalam tahun 2009.

## KUMPULAN WANG PENDAPATAN

Jumlah hasil Kumpulan Wang Pendapatan ialah sebanyak RM5.36 juta. Hasil faedah dan dividen menunjukkan 77.89% daripada jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pendapatan iaitu sebanyak RM4.18 juta. Ianya berkurang 37.86% atau RM2.55 juta berbanding tahun lalu. Ini disebabkan kurangnya jumlah pelaburan yang besar pada tahun semasa berbanding tahun lalu . Baki hasil dari Kumpulan Wang Pendapatan adalah dari pendapatan sewa dan lain-lain pendapatan berjumlah RM1.19 juta.

*CARTA 9 : Perbandingan Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Kumpulan Wang Penyelidikan Tahun 2003 - 2009*






*CARTA 10 : Bilangan Staf Yang Mendapat Pinjaman Komputer Dan Kenderaan Sehingga 2009*

| BUTIRAN | NILAI TABUNG | JUMLAH PINJAMAN | BILANGAN STAF YANG MENDAPAT PINJAMAN | | BAKI TABUNG |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2008 | 2009 | |
| **Pinjaman Kenderaan** | RM2.0 juta | RM1.11 juta | 13 | 35 | RM0.89 juta |
| **Pinjaman Komputer** | RM0.5 juta | RM0.12 juta | 15 | 32 | RM0.38 juta |
| | **RM2.5 juta** | **RM1.23 juta** | **28** | **67** | **RM1.27 juta** |

## KUMPULAN WANG PINJAMAN

Bilangan staf yang mendapat pinjaman kenderaan pada tahun 2009 telah meningkat kepada 35 orang staf berbanding 13 orang staf pada tahun 2008. Manakala bagi pinjaman komputer telah bertambah kepada 32 orang staf bagi tahun 2009 berbanding 15 orang staf pada tahun 2008. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah digunakan sehingga tahun 2009 adalah sebanyak RM1.11 juta bagi pinjaman kenderaan dan RM0.12 juta bagi pinjaman komputer.

## PEROLEHAN HARTA MODAL

Pada tahun 2009 jumlah perolehan harta modal adalah sebanyak RM422.38 juta meningkat sebanyak 904.18% (RM380.32 juta) berbanding pada tahun 2008 sebanyak RM42.06 juta. Perolehan bangunan makmal merupakan perolehan yang terbesar daripada jumlah keseluruhan perolehan harta modal bagi tahun 2009.

*CARTA 11 : Pecahan Perolehan Harta Modal Tahun 2009 Dan 2008.*







UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
www.UMP.edu.my
www.UMP.edu.my
UMP

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

**(BOON JON LIN)**
